# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SIRI NENG BUAH
KOTA KUBANG LABU

OLEH:


| | |
|---|---|
| NIK NURSYAHIRAH BINTI NIK ZAIN | 2013515401 |
| NORSOLEHAH BINTI MOHAMMED @ ABDULLAH | 2013195343 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# SIRI NENG BUAH
# KOTA KUBANG LABU

OLEH:

| | |
|---|---|
| NIK NURSYAHIRAH BINTI NIK ZAIN | 2013515401 |
| NORSOLEHAH BINTI MOHAMMED @ ABDULLAH | 2013195343 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim..

Alhamdulillah pertama sekali, kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurniaNya, kami telah berjaya menyiapkan tugasan ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan. Kami berharap tugasan yang telah kami siapkan ini akan memberi manfaat yang besar kepada semua di masa hadapan.

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tokoh yang kami iaitu Encik Siri Neng Buah, seorang Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup di atas kesudian beliau menerima kehadiran kami untuk ditemuramah dan sudi meluangkan masa serta berkongsi cerita mengenai asal usul dan rentetan peristiwa – peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu . Kesudian dan kerjasama beliau amatlah kami hargai.

Tidak lupa juga, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604), Puan Nor Kamariah binti Chik diatas usaha, nasihat serta tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang kami menyiapkan tugasan ini. Tanpa panduan dan pandangan beliau, kemungkinan besar kami tidak dapat menyiapkan tugasan ini dengan sebaiknya.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama berkongsi pandangan dan idea serta membantu kami ketika menyiapkan tugasan ini baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Akhir madah, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga yang turut memberikan sokongan dan dorongan sama ada dari segi tenaga ataupun wang ringgit bagi membantu kami menyiapkan tugasan ini dengan sepenuhnya. Terima kasih juga kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menyiapkan tugasan ini. Semoga segala jasa baik semua pihak mendapat balasan serta ganjarang dari Allah S.W.T. Ameen. Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan | i |
| Isi Kandungan | ii |
| Abstrak | iii |
| Biodata Tokoh | iv |
| Pengenalan | vi |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 01 |
| Bahagian 2: Kerjaya | 12 |
| Bahagian 3: Asal Usul Kota Kubang Labu | 20 |
| Bahagian 4: Rentetan Peristiwa Kota Kubang Labu | 24 |
| Bahagian 5 Pendapat dan Cadangan | 48 |
| Rujukan | 58 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara | 59 |
| Diari Kajian | 66 |
| Senarai soalan | 70 |
| Surat Perjanjian | 71 |
| Gambar | 72 |
| Indeks | 12 |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Siri Neng Buah, Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup mengenai sejarah dan rentetan peristiwa- peristiwa di Kota Kubang Labu. Temubual ini dijalankan di kediaman beliau di Kg Kok Seraya, Tumpat, Kelantan pada 21 April 2016 bermula pada jam 12.30 tengahari. Encik Siri Neng Buah yang lebih mesra dipanggil Pak Siri menceritakan tentang sejarah dan rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu. Kota Kubang Labu merupakan Ibu Negeri Kelantan Barat sebelum Kota Bharu yang wujud sekarang. Asal usul Kota Kubang Labu ialah ekoran tindak tanduk Raja Perempuan Patani yang telah membahagi duakan Kelantan menjadi Kelantan Barat dan Kelantan Timur. Sempadan antara Kelantan Timur dan Kelantan Barat ialah Sungai Kelantan. Terdapat banyak rentetan peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu sejak wujudnya kota tersebut termasuklah peperangan dan cerita rakyat. Transkrip ini menyingkap dan merumuskan serba sedikit tentang asal usul disebalik nama Kota Kubang Labu. Secara keseluruhan sesi temubual ini lebih menumpukan kepada rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu. Selain berkongsi cerita berkenaan Kota Kubang Labu, Pak Siri turut menceritakan tentang latar belakang serta kerjaya beliau. Beliau juga turut memberikan pendapat dan cadangan serta nasihat kepada generasi muda hari ini dan juga generasi yang akan datang supaya tidak memandang enteng akan sejarah-sejarah yang telah berlaku agar menjadi pedoman dimasa hadapan.*

***Kata kunci:*** *Siri Neng Buah, Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup, Kota Kubang Labu, Kelantan Timur, Kelantan Barat, Long Muhammad, Long Yunus, Raja Legih, kain cindai*

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



Rajah 1: Encik Siri Neng Buah

| | |
|---|---|
| Nama | Siri Neng Buah |
| Tarikh Lahir | 9 Disember 1953 |
| Tempat Lahir | Besut, Terengganu |
| Warganegara | Malaysia |
| Jawatan | Pesara Kakitangan Kerajaan |
| Alamat | Lot 352, Kg Kok Seraya, Cabang Empat, 16200 Tumpat, Kelantan |
| Email | sirinengbuah@yahoo.com |
| No. Telefon | 0173608733 |
| Pendidikan | ▪ Bachelor of Social Sciences (Hons.) Universiti Sains Malaysia – 1989<br>▪ Sekolah Swasta Kota Bharu<br>▪ Sekolah Melayu Tumpat<br>▪ Languange Learning Thai Wat Phikulthong, Kg. Terbak, Tumpat, Kelantan<br>▪ Sekolah Umum Keluang (JAWI) |
| | 1. Sejarah Bunga Mas Negeri (Setol 2011)<br>2. Sejarah Kerajaan Melayu Setol<br>3. Phongsawan Klantan (2009) |

| | |
|---|---|
| Penyelidikan | 4. Sejarah Lawatan King Chulalongkorn ke Terengganu<br>5. Sejarah Masyarakat Siam Malaysia |
| Anugerah/ Penghargaan | 1. Anugerah Tokoh Budaya Negeri Sembilan (2014)<br>2. Anugerah Tokoh Masyarakat Siam Malaysia (2014)<br>3. Tokoh Warisan Kebangsaan- Orang Hidup (Adat dan Budaya) (2013)<br>4. Anugerah Citra Sahabat DBP (2013)<br>5. Anugerah Kehormat Bentara Paduka Raja, Persatuan Keturunan Cik Siti Wan Kembang (2013)<br>6. Tokoh Kemerdekaan Daerah Besut (2011)<br>7. Excellent Service Award (2009)<br>8. Anugerah Budaya Melayu Langkat, R. Indonesia (2007)<br>9. Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) Pulau Pinang (2003)<br>10. Bintang Ahli Mangku Negara (AMN) (2003)<br>11. Anugerah Gelaran Marga Senegar dari Kerapatan Adat Tapanuli Selatan, Indonesia (2002<br>12. Excellent Service Award (1999) |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Pada masa dahulu, Kota Kubang Labu merupakan Ibu Negeri Kelantan Barat sebelum Kota Bharu yang wujud sekarang. Asal usul Kota Kubang Labu ialah ekoran tindak tanduk Raja Perempuan Patani yang telah membahagi duakan Kelantan menjadi Kelantan Barat dan Kelantan Timur. Sempadan antara Kelantan Timur dan Kelantan Barat ialah Sungai Kelantan. Terdapat banyak rentetan peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu sejak wujudnya kota tersebut termasuklah peperangan dan cerita rakyat.

Peperangan pertama membabitkan Kelantan Timur dan Kelantan Barat. Peperangan ini tercetus kerana ingin merampas kuasa, dan menakluki Kota Kubang Labu yang sebelum ini diperintah oleh Long Sulaiman. Dalam peperangan ini, Long Sulaiman telah dibunuh oleh Raja Legih dan pemerintahan Kota Kubang Labu telah diberikan kepada Long Muhammad atau dikenali juga sebagai Long Pandak. Akhibat dari rampasan kuasa itu, Long Yunus iaitu anak kepada Long Sulaiman telah dihalau dari Kota Kubang Labu.

Peperangan kedua tercetus setelah Puteri Neng Mas Nirmala dibunuh oleh suaminya sendiri, Long Muhammad (juga dikenali sebagai Long Pandak) kerana dituduh curang. Mayat tersebut telah dibawa oleh gajah milik abangnya (Long Deraman) ke tempat asal Puteri Neng Mas Nirmala di Legih. Semasa gajah itu menghantar mayat, pintu kota sudah ditutup dan Long Deraman terdengar tempikan gajahnya. Jadi, Long Deraman merasakan sesuatu yang tidak elok berlaku kepada adiknya. Setelah membuka pintu kota, Long Deraman terkejut kerana melihat mayat adik iparnya berada diatas badan gajah tersebut.

Selepas itu, Long Deraman telah menyerang Long Muhammad atas perbuatanya membunuh Puteri Neng Mas Nirmala tanpa usul periksa. Maka berlakulah tikam-menikam antara Long Deraman dan Long Muhammad. Dalam peperangan tersebut, rakyat biasa tidak akan sama-sekali masuk campur urusan Raja kerana bagi mereka, Raja dianggap sama daulat. Setelah itu, Long Deraman telah tertikam Long Muhammad dan Long Muhammad  yang cedera itu (atau juga dikenali sebagai Long Pandak) telah kalah dalam peperangan ini.

Selepas berkurun lama, peperangan tercetus lagi setelah Long Muhammad berlaku zalim terhadap rakyat, terutamanya kaum wanita. Mereka telah dijadikan gundik. Hasil padi rakyat juga dirampas kerana ingin memujuk Kota Kubang Labu, ia itu Raja di Legih kerana mengesyaki waris Raja Legih akan mentut bela, iaitu anak Long Sulaiman (Long Yunus). Long Yunus telah menyerang Long Muhammad atas perbuatan Long Muhammad yang zalim kepada rakyat Kota Kubang Labu. Long Muhammad tewas dalam peperangan tersebut dan Long Muhammad telah dipaksa oleh Long Yunus untuk menandatangani perjanjian agar memerintah dengan adil dan tidak zalim kepada rakyat.

Menurut pencerita, setelah Long Yunus dan Long Ghaafar dihalau oleh Raja Legih, Long Yunus membawa sebiji telur ayam bersamanya dan disimpan didalam kain pekung di perut Long Yunus. Setelah sekian lama membawa diri, telur tersebut menetaskan anak ayam jantan. Ayam tersebut dinamakan sebagai Bakas Beracun. Seekor ayam yang handal dalam pertandingan laga ayam. Ketika itu, Long Yunus dan Long Ghaafar telah merantau ke Terengganu dan telah memenangi lawan laga ayam dengan dagang dari Bugis. Hasil kemenangan tersebut, Sultan Terengganu telah memberi penempatan di Terengganu dan Long Yunus serta Long Ghaafar telah berkahwin dengan kerabat istana Sultan Terengganu.

Dalam masa sembilan tahun Long Yunus dan Long Ghaafar merantau ke Terengganu, mereka telah merancang strategi untuk kembali pulang ke Kota Kubang Labu untuk membalas dendam terhadap pemerintahan Raja Legih yang membunuh ayahanda Long Yunus (Long Sulaiman). Bagi Long Yunus, 'Hutang Darah, Dibayar Darah'. Disamping itu, peperangan terakhir ini juga merupakan misi merampas kembali takhta Kota Kubang Labu yang telah diambil oleh Long Muhammad.

Maka terjadilah peperangan antara Long Yunus dan Long Ghaafar melawan Long Pandak atau juga dikenali sebagai Long Muhammad dan Long Deraman. Yang pada akhirnya Long Deraman mati akibat kecederaan didalam peperangan tersebut, dan Long Muhammad yang telah tercedera dalam peperangan tersebut telah diusir dari Kota Kubang Labu dan kemudiannya mati dibunuh selepas peperangan tersebut.Maka Long Yunus dan Long Ghaafar telah menang dalam

peperangan tersebut. Atas persetujuan Long Ghaafar, Long Yunus telah diangkat menjadi Raja Kelantan.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang Sejarah Kota Kubang Labu. Soalan yang diajukan terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama berkisah tentang latar belakang tokoh yang menceritakan tentang Sejarah Kota Kubang Labu, bahagian kedua pula penyelidik menanyakan tentang kerjaya tokoh. Pada bahagian ketiga penyelidik telah menanyakan mengenai asal usul Kota Kubang Labu. Bahagian keempat pula penyelidik menanyakan tentang Rentetan Peristiwa Kota Kubang Labu. Kemudian, bahagian kelima, penyelidik meminta pendapat dan cadangan daripada tokoh. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

**SNB : Siri Neng Buah**
**NS : Nik Nursyahirah**
**NSM: Norsolehah Mohammed**

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

NS : **Selamat tengahari Pak Siri, saya Syahirah ini kawan saya Solehah daripada UITM [Universiti Teknologi Mara] Machang, nak *interview* [menemubual] Pak untuk subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan, kami akan *interview* [menemubual] Pak ni pada hari ini hari khamis, tarikh 21 April 2016, masa *dua belas setengah* [12.30] di kediaman Pak di Kampung Kok Seraya, Tumpat.**

NS : **Mula-mula saya nak tanya Pak pasal latar belakang. Nama sebenar Pak Siri *gapo* [apa] dia?**

SNB : (Bunyi kicauan burung) Nama saya sebenarnya yang diberikan orang tua saya Siri Bin Neng Buah. Jadi bin tu kerana saya dilahirkan di Besut, Terengganu dalam masyarakat keturunan Siam samaada sebelah bapa mahupun ibu. Tetapi disana, anak-anak Siam ni tidak dibezakan sebagai anak lelaki anak perempuan sebagainya.

Sebaliknya guna bin, bin binti kerana jumlah kami yang sangat kecil ya. Jadi perkara ini menyebabkan timbulnya sedikit sebanyak kekeliruan pada awalnya tapi hari ini tidak ada apa-apa kemusykilan kerana dalam *IC* [Identitfication Card [Kad Pengenalan] ] dia ada kan kata warganegara lelaki, agama, kalau islam tu dia ada nama islamnya dan bukan itu tidak. Jadi kalau tengok *IC* [Identitfication Card [Kad Pengenalan] ] Pak tidak ada apalah. Jadi itulah dan Pak dilahirkan di kampung -- ada pertanyaan itu?

NS : **Bagaimana Pak Siri dapat nama Siri Neng Buah?**

SNB : Tentu. Nama Pak sebenarnya Siri, S-I-R-I Siri ataupun dalam Bahasa Siamnya 'Siri'. Jadi nama itu tentulah diberikan oleh orang tua. Bapa Pak yang pernah belajar sampai ke Liga dan mempunyai senarai nama ataupun perbendaharaan nama yang agak banyak. Jadi, beliau menamakan Pak ini Siri. Neng Buah itu namanya. Nama mak ayah bukan nama Pak. Jadi nama Pak *dua* [2] eh *empat* [4], *empat* [4] apa *empat* [4] huruf sahaja S-I-R-I itu sahaja. Itu lah jadi orang tua yang bagi.

NS : **Kalau *kat* [dekat] kampung ini, orang panggil?**

SNB : Di kampung ni orang panggil kalau orang Melayu memanggil Pak Siri kalau orang Siam memanggil Lung Rik. Lung Rik, Lung ertinya *uncle* [pak cik], anak-anak ini selalu panggil *uncle* [pak cik] Pak Tua, Uncle [Pak cik] Tua jadi ayah, abang kepada ayah ataupun abang kepada mak, jadi Lung. Kalau adik kepada mak dia panggil Na ataupun adik kepada ayah dia panggil Na, *uncle* [pak cik] juga itu tetapi bila sebut Na itu sebelah lebih muda daripada mak dan ayah mereka. Jadi di kampung Siam ini dipanggil Lung Rik. Rik itu daripada Sirik, Sirik jadi Lung Rik, Uncle Sirik ataupun Uncle Rik. Jarang-jarang orang memanggil Pi Rik ataupun Abe Ri, jarang-jarang. Kebanyakannya akan memanggilnya ikut panggilan anak-anak mereka terhadap saya (batuk).

NS : **Kalau masa Pak Siri bekerja orang panggil *gapo* [apa]? Dekat pejabat ke?**

SNB : Di pejabat kalau bos-bos saya panggil saya Siri dan saya sedikit pun tidak merasa tersinggung bila dipanggil begitu (bunyi deringan telefon).

NS : **Umur Pak Siri loni [sekarang] berapa?**

SNB : Sekarang ini -- Pak dilahirkan pada sembilan haribulan Disember tahun *seribu sembilan ratus lima puluh tiga* [1953] di Besut, Terengganu. Jadi, kalau dikira dengan umurnya sudah *enam puluh dua tahun* [62 tahun]. Dan sekarang ni bulan April kan? Jadi *enam puluh dua tahun lima bulan* [62 tahun 5 bulan] ya *lima bulan* [5 bulan]. Ertinya dekat-dekat dengan *enam puluh dua* setengah la [62 tahun setengah] (bunyi kapal terbang).

NS : **Pak Siri dapat pendidikan awal *mano* [dimana]?**

SNB : Mula-mula sekali di sekolah umum Keluang (bunyi kapal terbang). Sekolah umum adalah satu bentuk sekolah vernakular, sekolah harian yang belum lagi diangkat menjadi sekolah kebangsaan. Ataupun setengah orang panggil 'Sekolah Atap'. Sekolah itu memang beratap, sekolah kampung tetapi sudah pun mendapat pengesahan untuk dijadikan sekolah kebangsaan. Tapi waktu Pak pergi itu, papan tandanya umum lagi, sekolah umum. Pak boleh membaca kerana pak telah membaca, A-B-C sebelum masuk sekolah. Jadi Pak boleh mengeja dan boleh menulis (bunyi kicauan burung) sekadarnya sebelum masuk ke bangku sekolah. Jadi tidak hairan kalau bila masuk ke bangku sekolah Pak telah belajar pandai kerana yang lain-lain tidak pernah pijak sekolah pun. Bahkan menangis di atas bangku sekolah. Jadi Pak pula ketawa seronok sebab telah di -- tidak ada tadika waktu dulu. Kalau ada tadika mungkin Pak masuk tadika. Pada waktu itu mana ada kemudahan-kemudahan seperti ini langsung tidak terdengar. Jadi sekolah itu kemudian bergelar Sekolah Kebangsaan Keluang, Besut, Terengganu. Pelajaran asal

diajar ialah tulisan dan bacaan jawi. Itu sebabnya Pak boleh mampu baca jawi sebab mula-mula dengan Alif-Ba-Ta-Sa begitu. Bila masuk darjah tiga baru ada A-B-C dan lucunya pelajar-pelajar dibenarkan berkain sarung ke sekolah kerana tidak ada seluar. Berkain sarung, Pak sempat jugak beberapa kali ke sekolah dengan kain sarung (ketawa) kerana bukan tiada seluar tetapi nak suka-suka dengan kawan-kawan. Jadi kemudian Pak sambung ke Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa sebelum itu di Sekolah Menengah Indera Segara, Sekolah Menengah Rendah Indera Segara, Besut tapi sekolah itu sudah dibatalkan, _, dibuang, digabung dengan Nasurudin sekarang dan menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Rendah Dato' Biji Wangsa, Tumpat. Sekarang ini, Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa. Kemudian Sekolah Menengah Tumpat tingkatan empat sampai lima disitu. Kemudian menyambung di sekolah swasta namanya Institut Pendidikan ataupun dipanggil 'Sekolah Bawah Stadium'. Sekolah itu mempunyai pelajar ribuan orang waktu itu. Sekolah swasta zaman itu adalah zaman penuh kegemilangan. Dan Pak gagal dalam *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] beberapa kali tetapi banyak kali lebih berjaya daripada gagal kerana banyak kali ambil *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], *STPM* [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]. Jenis orang yang tidak pernah jemu, tidak pernah putus asa dan *tak* [tidak] pernah jemu dengan pelajaran. Pernah Pak dikatakan hantu buku ataupun kutu buku dan sebagainya tetapi itu semua satu _ Pak ialah Pak akan tumpu pada mata pelajaran yang digemari yang tidak digemari langsung ditinggalkan dan perangai itu bawa sampai hari ini. Jadi Pak gemar sejarah, budaya, bahasa, sastera dan hampir tidak faham istilah sains (bunyi system pesanan ringkas dari telefon Pak Siri). Begitu sekali. Apatah lagi istilah matematik. Jadi sesuai dengan itu Pak selalu gagal matematik. Dan waktu tu dia ada huruf *sembilan* [9], gagal, *satu* [1] amat baik, *dua* [2] amat baik, *tiga* [3], *empat* [4] sampai *enam* [6] kepujian. *Lapan* [8], *sembilan* [9] lulus. Eh *tujuh* [7], *lapan* [8] lulus, *sembilan* [9] gagal. Pak dapat *sembilan* [9] untuk matematik dan seringkali sebabnya ialah kerana tidak ada *sepuluh* [10]. Itu sahaja. Kalau *sepuluh* [10] adalah gagal buruk Pak akan

gapai *sepuluh* [10]. Itulah. *Dua* [2] segi yang berbeza tetapi dari segi bahasa dari segi sastera dari segi apa itu sukarlah untuk menandingi Pak. Di apa tingkatan pun waktu itu hatta di universiti sekalipun. Itu kelebihan kita. Tapi kelemahan kita itu yang buruk. Jadi Pak kemudiannya belajar di - sekejap belajar di Indonesia tetapi tidak lepas tidak lulus, bukan tidak lulus tidak dapat menyambung kerana masalah kewangan dan juga masalah status. Indonesia ingin Pak bayar penuh kerana Pak tidak ada biasiswa. Bayar sepenuhnya tidak ada tangguh-tangguh tidak ada bulanan dan sebagainya. Indonesia guna sepenuhnya seperti sampai sekarang bergandanya. Kalau sewa rumah satu tahun semua penuh. Itu cara Indonesia. Dia tidak ada sebulan ke bulan tidak. Dia bayar penuh. Kalau kita bayar sepenuhnya *tiga ribu* [RM 3000], tiga ribu [RM 3000] sepenuhnya. Yang itu senanglah. Tapi Pak bawa wang cuma beberapa ribu, dua ribu [2000] ke begitu. Di atas desakan kawan dia kata tidak apa boleh bayar begini tetapi universiti Pak pergi itu universiti kerajaan, Universitas Airlanggar. Jadi dia guna sistem kerajaan. Kalau universiti swasta yang tidak diakui ini bila balik dia akan anggap sijil Pak itu *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] *je* [sahaja] bukan ijazah. Tidak laku bukan kata tidak laku memang tidak laku. Jadi untuk apa? Jadi bila Pak masuk begitu dia nak semua bayar penuh kerana Pak dapat biasiswa. Kalau Pak dapat biasiswa di *guarantor* [penjamin] oleh kerajaan Malaysia. Tetapi waktu itu tidak ada *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional], derma siswa sangat terhad biasiswa apatah lagi dan lebih diberikan kepada anak-anak Melayu yang begitu memerlukan. Anak Siam ini anak yang bukan Melayu ini mereka tergolong dalam orang yang berada walaupun Pak sebenarnya bukan berada. Maknanya seperti kalau kita sebut sahaja miskin itu orang Melayu kalau dibanding dengan orang Cina tetapi kita faham adanya orang Cina miskin. Jadi Pak ini menjadi mangsa sistem dan apa Pak tidak menyesal tetapi menjadi mangsa kerana Pak dilahirkan lebih awal. Hari ini siapa belajar siapa dapat kan? *PTPTN* [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] dan sebagainya bahkan perjuangan Pak telah menjadikan orang Siam Bumiputera hak pendidikan sepertimana orang Melayu

sebagainya. Tapi itu untuk orang kemudian, Pak tidak. Jadi Pak terpaksa di keluarkan daripada senarai universiti tersebut pulang dan bertugas sebagai guru dan waktu itu banyak hidup bergelandangan. Anda faham perkataan bergelandangan? (bertanya kepada pengkaji) Yes [Ya], seakan merempat tetapi merempat sukarela. Kalau orang lain itu mungkin dia tidak ada rumah mungkin dia tidak ada duit nak makan. Pak ada, rumah pun ada tapi mahu bergelandangan. Pak pergi -- Pak seorang pengkagum sejarah dari awal. Jadi – (bertanya soalan kepada pengkaji) Jadi, Pak kagum dengan empayar Melaka kagum dengan empayar Johor Riau dan kagum dengan dunia kita. Jadi Pak akan tanam tembakau, tanam di rumah. Waktu itu tembakau adalah satu pertanian yang sangat menguntungkan. Orang Kampung Beris, kampung yang ada, tempat Beris ini kan sangat lumayan pendapatan mereka untuk menanam tembakau itu dan tidak kecuali Pak disamping jadi guru swasta. Pak yang dibayar gaji tak seberapa tetapi lebih kepada nak berbakti. Pak tanam tembakau sampai pecah habis tangan untuk *survivor* [menampung] bayar motor. Bila wang itu agak terkumpul, Pak akan pergi ke destinasi-destinasi jajahan takhluk kerajaan Melayu Melaka Riau. Pak sudah sampai ke Pulau Daik Lingga, sudah sampai ke Gunung Daik Bercabang Tiga. Walaupun nampak Pulau Pandan tapi tidak pernah sampai tetapi nampak itu dia Pulau Pandan jauh ketengah dan sampai ke Pulau Bentam dapat segala cerita lagenda _ dan Sang Nila Utama. Menjejak semua tanah-tanah Melaka. Kepada Inderagirinya, Rokannya, Siaknya daripada -- Tapi satu sampai hari ini yang belum tertunai ialah Karimun dan Pak tidak tahu bilakah boleh sampai ke Pulau Karimun kerana jajahan pertama Melaka apabila melebar diri sebagai empayar, Pulau Karimun sebagai tempat pertama dan itu ialah kehormatan dari besar tapi *tak* [tidak] berjaya tidah tahulah bila nak pergi ada sahaja halangan. Bila duit ada masa *takdok* [tiada], bila masa ada duit pula *takdok* [tiada]. Seringkali dua-dua tetapi Pak fikir dalam hati tersemat di hati akan sampai sebab Pak telah mengatakan bahawa Pak akan menjadi jaguh sastera dan juga sejarawan di Johor Riau. Jadi nampaknya hasrat itu semakin ada dan semakin memperolehi -- Pak sering bercakap tentang

kerajaan Johor Riau dan sebagainya. Itu sebabnya bila Pak mendapat Tokoh Warisan berdasarkan kepada sejarah tempatan dan sejarah seni budaya. Orang lain dapat kerana persembahan, jadi pemain Mak Yong, jadi Tok Selampit, jadi Awang Batil Cerita Rakyat, jadi penggendang bagi Mek Mulong, menyapir bagi main sapir tapi yang tidak pandai apa-apa tetapi boleh bercerita boleh mengungkap kisah-kisah ini diangkat juga rupanya oleh kerajaan Malaysia dan orang itu *ialah* Pak. Terima kasih dan bersyukur dan itu Pak gelaran ini sebagai tokoh warisan negara akan Pak pakai seumur hidup. Pak diberi tunaikan wang tunai tiga puluh ribu ringgit [RM 30,000] dan disamping kemudahan-kemudahan yang besar, kemudahan-kemudahan lain ialah perubatan setaraf ahli parlimen begitu juga kos penerbangan dapat diberi kelas satu. Hospital pun begitu, wad untuk seorang begitu. Soal kita nak pakai atau tidak itu hal lain - tetapi kemudahan yang diberikan kepada Pak sangat tinggi sedangkan jasa Pak pada negara tidak seberapa. Tapi tidak tahulah mengapa yang Pak mendapat begitu banyak nikmat, Pak tidak tahu tetapi Pak bersyukur hatta telah dituliskan kalau Pak mati pun untuk urusan mayat Pak ini kerajaan Malaysia akan bagi tiga ribu lima ratus (RM3500) *on the spot* [segera]. Bahkan disempurnakan oleh mereka tetapi dengan syarat bendera itu membalut *body* [badan] *ceranda* [keranda] dan telah pun Pak amanahkan kepada wasiatkan kepada seluruh keluarga. Jadi itulah -- tetapi anugerah-anugerah lain itu Pak dapat sembilan termasuk yang terbaru yang pelik-pelik nama itu (ketawa). Tetapi bagi Pak, Pak tidak hairan yang paling perlu bakti selagi masih hidup. Itu yang penting. Wang mendatangkan kebahagiaan tetapi kebahagiaan tidak semua dari wang. Anda bayar apa pada Pak? Tidak kan? (bertanya kepada pengkaji) Tapi Pak bahagia bila dapat berbicara. Jadi itu Pak selalu kata wang boleh mendatang kebahagiaan tetapi kebahagiaan tidak semestinya datang daripada wang. Apa yang kita boleh sumbang itu kebahagiaan bagi Pak lah. Anda tahu malam tadi Pak tidur di mana? (bertanya kepada pengkaji) Cuba agak (meminta pengkaji meneka). Pak tidur di kubur. Nak pergi rasa sunyinya kubur. Ya, betul nak Pak tidak bohong. -- *Dok* [tidak] (menjawab pertanyaan pengkaji) Tiga [3]

orang dan rupa-rupanya inilah tempatnya kita pun suatu hari nanti ke situlah. Gagah sangat, *heoh* [hebat] sangat berebut harta sangat situlah tetapi jangan tamak sangat. Itu sahaja.

**NS** : **Pak Siri berkahwin umur berapa?**

SNB : Kelulusan Pak sebenarnya Sarjana Muda Sains Politik dan Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia. Dan juga menjawab --. Pahtu [lepas itu] umur berapa kahwin? Kahwin umur *tiga puluh dua* [32] setelah menghampiri *title* [pangkat] bujang telajak. Mengapa kahwin lambat, tidak memberi perhatian kepada cinta. Memberi perhatian kepada *career* [kerjaya]. Tadilah, Pak akan menjelajah bergelandangan, apatah lagi bila bekerja, wang itu simpan lagi bila hujung tahun ada cuti ada *tujuh* [7] hari *lapan* [8] hari Pak lari. Jadi mana perginya? Sungai Metong. Bila baca sajak Dato Muhyiddin Sungai Metong, pergi. Naik kereta api, baju T-shirt satu bergeladah keliling janji ada passport. Di Indonesia begitu juga, mengkaji kecuali kalimunan. Jadi itu dunia yang Pak ada. Jadi dengan keadaan begini Pak lupa tentang bercinta walaupun waktu itu Pak pergi bersajak, pergi bercakap tentang budaya, ramai peminat yang menaruh perasaan pun ada yang kita tahu dia menaruh perasaan kepada kita. Tetapi tidak tahu nak kata tidak kena. Pak pun pernah dihantar surat, ajak berkahwin pun ada. Ada kes itu ajak berkahwin, dia tidak malu dia kata. Dia sedia untuk bersama Pak sehidup semati. Tapi manusia begitu kan jadi akhirnya Pak selesai zaman bujang Pak dengan dia (bunyi sistem pesanan ringkas telefon Pak Siri). Dengan *untie* [mak cik] yang dia itu memang mengenali Pak dan Pak tahu dia telah dipinang oleh pelbagai orang tetapi dia ada cerita dengan orang, yang dia menaruhkan dirinya untuk Pak. Jadi rasa barangkali inilah jodoh. Akhirnya sebelum telajak dari segi umur, kahwin kita (Pak Siri dan isteri) (bunyi kicauan burung). Umur *tiga puluh dua* [32] dan isteri Pak umur *dua puluh lima* [25]. Jadi dia lebih muda dari Pak *tujuh* [7] tahun.

NS : ***Gapo* [Apakah] nama *auntie* [Mak Cik]?**

SNB : Nama mengikut *IC* [Identity Card [Kad Pengenalan]] Mek Keciang A/P Epreng ataupun dipanggil di kampung Chiang sahaja. Chiang satu nama *typical* [biasa] kampung yang bermaksud menyedari diri, menginsafi diri dan selalu merendah diri. Itu sahaja maksudnya. Itu nama kampung. Tetapi nama IC [Identity Card [Kad Pengenalan]] dia Mek Keciyom itu bila polis tulis tidak betul _.

NS : ***Auntie* [Mak Cik] bekerja ke tidak?**

SNB : Tidak. Dia buka salon sikit-sikit tetapi bila kahwin dengan *uncle* [pak cik] selalu *uncle* [pak cik] pindah-randah, dia pun ikut pindah dengan *uncle* [pak cik]. *Uncle* [pak cik] sudah dalam berjawatan *empat* [4] kali, *empat belas* [14] kali dipindah. Tapi tidak pernah di Kelantan. Tapi sebab orang Kelantan semua bila kerja sikit nak balik Kelantan. Ramai begitu nak balik Kelantan. Tapi bila dia duduk di Kelantan, kita pergi dekat dia, "Eh, bila *mu* [kamu] nak balik *Klate* [Kelantan]?" Dia sendiri *taknak* [tidak mahu] keluar. Faham tidak? (bertanya kepada pengkaji) Kalau jawatan tu ramai guru ke *nurse* [jururawat] ke itu tidak apa. Tapi pengarah kebudayaan berapa orang. Tidak ramai. Apatah lagi pengarah kebudayaan seorang satu negeri sahaja *staff* [pekerja] pula waktu itu *dua belas* [12] orang *tiga belas* [13] orang. Jadi orang Kelantan semua nak balik Kelantan.Jadi bila __. Jadi Pak *empat belas* [14] kali pindah selalu bersama dengan isteri yang menjadi surirumah sepenuh masa.

NS : **Berapa orang anak Pak Siri?**

SNB : Tiga orang. Dua lelaki, abang keduanya lelaki, nombor *dua* [2] lelaki, *ketiga* [ke3] bongsu perempuan.

NS : **Berapa orang yang masih belajar yang bekerja?**

SNB : Seorang lagi -- yang bongsu tahun ini tamat diploma di Universiti P.Ramlee,

dahulunya dipanggil Aswara (bunyi kicauan burung). Sekarang telah diumumkan oleh menteri, Universiti P.Ramlee. Dalam bidang seni tari. Tahun ini tamatlah memegang diploma tapi dia sudah mendaftarkan diri untuk ijazah dan Pak sendiri memang harap dia mempunyai ijazah iaitu *Bachelor of Dance* [Ijazah Sarjana Muda Tari]. Kemudian pihak menteri, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui menterinya telah apabila melihat dia menari dan telah mengetahui yang dia itu anak Pak maka ditawarkan secara lisan setakat ini untuk dia membuat *master* [peringkat pengajian selepas ijazah] dimana-mana sahaja yang diiktiraf dalam bidang tari apa sahaja asalkan seni budaya di mana-mana universiti di dunia ini kecuali di Israel. Jadi Pak sudah pilih oleh kerana kami orang Siam dan guru dia sendiri dekan dia mengatakan kalau nak tengok tarian Melayu tengok Netra, anak Pak namanya Netra, N-E-T-R-A. Kata-kata patih gajah mada Perdana Menteri mangku bumi Majapahit bahawa nusantara _ melintang siapa berani menentang biji Netra *ku* [aku]. Jadi Pak gunakan perkataan itu untuk anak Pak, Netra. Jadi telah dijanjikan untuk dia belajar *master* [peringkat pengajian selepas ijazah], jadi Pak fikir kalau dia dapat *master* [peringkat pengajian selepas ijazah] memadai lah dulu kalau dia nak buat *PhD* [Doctor of Philosophy] ke apa dia punya pasal. Tetapi sebagai lulusan seni tari tidak mungkin dapat cari hidup di Kelantan ini. Bukan setakat di Kelantan di Perlis pun tidak boleh hidup. Jadi dia akan menjadi anak urban, anak bandar yang tidak perlu memikirkan tentang ayam, itik, laman dan juga rumpun-rumpun serai dan pisang. Ertinya tidak ada panorama desa untuknya. Dan tidak ada Kelantan untuknya. Dia harus berada di sekurang-kurang Kuala Lumpur setidak-tidak New York, Washington, Bangkok (batuk), Paris dan sebagainya. Sebagaimana tok gurunya yang setiap tahun diberi tiket penerbangan ke - Paris untuk menjadi pengadil kesenian rakyat Eropah dan dibayar melimpah ruah, lumayan. Jadi itu yang kita harap dan seringkali Pak selalu mengajarnya, nak cipta kejayaan susah, susah lagi kalau tak berjaya. Itu sahaja.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH**

NS : **Saya nak tanya pasal kerjaya Pak Siri, sebelum ini Pak Siri *kijo* [kerja] *gapo* [apa]?**

SNB : Pak Siri bertugas sebagai guru swasta untuk *dua* [2] tahun lebih-lebih. Selepas itu tahun *tujuh puluh lapan* [78], mendapat *tiga* [3] jawatan sekaligus, pegawai kastam, guru untuk maktab dan juga pegawai kebudayaan, belia dan sukan. Dan Pak memang menyukai *dua* [2] daripada *tiga*nya [3] iaitu guru atau pegawai kebudayaan, belia dan sukan (batuk). Dan tidak menyukai kastam sebab tidak tahu barangkali tidak pernah dengar bahawa kastam ada tarian (ketawa). Barangkali tetapi tidak suka. Tetapi terlibat juga minta juga sebab ada sijil. Waktu itu Nak [merujuk kepada pengkaji], sijil *STP* [Sijil Tinggi Pelajaran] cepat laku boleh hidup. Jadi Pak pun setelah dirunding-runding ahli parlimen kampung Pak, ahli perlimen Besut kata, "Cikgu", dia kata "Kalau cikgu nak berbakti secara bersungguh-sungguh, cikgu nak nama cikgu akan hebat suatu hari nanti, cikgu ambil kebudayaanlah sebab saya tengok cikgu ini memang seorang yang boleh *gi* [pergi] hal-hal budaya". Jadi berdasar pada nasihatnya tolaklah tawaran guru (batuk) secara tidak hadir kursus di Maktab Perguruan Kota Bharu tanpa sebab. Nama tersagung *satu* [1] bulan di papan tanda di maktab kerana tidak hadir lapor diri (batuk). Sejak itu sampailah bersara tahun *dua ribu dua belas* [2012] sebagai pegawai kebudayaan jawatan hakiki. Tapi tentulah jawatan hakiki pegawai kebudayaan tapi jawatan-jawatannya tidak begitu jawatan gelaran contohnya seorang guru apa jawatan hakiki? Pegawai pendidikan itu jawatan hakiki. Tapi kerja gelarannya cikgu, guru, guru penolong kanan, guru akademik, pengetua dan sebagainya. Jadi Pak pun begitu jugaklah seorang pegawai kebudayaan daripada meniti daripada gred yang rendah dan pergi sambung pelajaran di Pulau Pinang dalam bidang kesusasteraan dan politik seterusnya menjawat jawatan __ menjadi timbalan pengarah di Perak, pegawai biasa di Sabah di Melaka di Terengganu dan

Timbalan Pengarah di Perak, Penolong Setiausaha Kanan di Kementerian kemudian Pengarah Kebudayaan Negeri Pulau Pinang untuk *tujuh* [7] tahun sebelum berpindah menjadi Pengarah Kebudayaan Negeri Sembilan. Sebab itu Pak dapat menjadi tokoh budaya Negeri Sembilan *Nak* [panggilan kepada pengkaji] barangkali kerana kebolehan tentang adat pepatih. Jadi kemudian menjadi Penolong Timbalan Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara Jabatan Warisan Negara sampai lah pangkat terakhirnya pengarah bahagian warisan tidak ketara iaitu warisan seni budaya di jabatan yang sama sehingga bersara. Ertinya cinta kepada seni, budaya tidak ada tolak bahagi.

**NS** : ***Loni* [Sekarang] ini Pak Siri buat kerja *gapo* [apa]?**

SNB : Sekarang ini telah dijadikan tokoh warisan kebangsaan orang hidup dan juga pakar rujuk *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] untuk Malaysia dalam bidang seni dan budaya. Maka Pak telah diberikan peranan banyak dalam menyampaikan ilmu, ilmu budaya, seni, sejarah kepada sesiapa sahaja kepada pelajar dan bukan pelajar kepada masyarakat. Disamping itu, Pak juga menjalani kerja-kerja *NGO* [Non Government Organization] daripada rukun tetangga sebagai pengerusi persatuan kelab kemudian persatuan di seroja dan juga menjadi penasihat kepada *empat belas* [14] buah pertubuhan di Malaysia. Empat belas yang paling besar sekarang ini ialah "SIOH" Malaysia anda tahu Pak telah ditawarkan untuk dibawa pergi ke Thailand. "SIOH" ini badan dunia pertubuhan antarabangsa. Jadi Pak juga menjadi penasihat kepada pelbagai pertubuhan, Persatuan Siam Malaysia, Persatuan Siam Kelantan, Persatuan Tun Teja, Kelab Sosial Tun Teja, Persatuan Pesisi Pesisir, bukan Pesisir, Pesisi, Persatuan Seni Budaya Kelantan, Persatuan Mas Gergar Jiwa, ___, Persatuan _ Seni Wijaya Darul Naim sampai -- banyak dan di Indonesia juga diangkat dengan pelbagai gelaran (bunyi suara azan) . Di Indonesia untuk Tanpanuli, *bapak* [merujuk kepada Pak Siri

sendiri] adalah Dato' Bendahara Diraja dalam hierarki pentadbiran adat dan dalam hierarki pentadbiran adat Persatuan Pertubuhan Cik Siti Wan Kembang juga diberikan kedudukan sebagai Yang Mulia Datuan Seri Setia Wijaya Mala Paduka Raja Siti Wan Kembang. Jadi, itu ialah jawatan keempat senariti dalam persatuan mereka untuk menjalankan nasihat, perjalanan dan sebagainya tentang sejarah warisan Cik Siti Wan Kembang.

**NS** : ***Bakpo* [Kenapa] Pak memilih bidang ini sebagai kerjaya?**

SNB : Sukar nak jawab kerana tidak tahu. Pak sendiri tidak tahu apa yang akan berlaku. Pak tidak fikir langsung adanya jawatan seperti tokoh warisan negara. Dan lebih lagi tidak fikir bahawa salah seorangnya kami. Tidak. Sebab Pak tidak pernah impi itu semua. Jadi Pak suka dipanggil Siri Neng Buah. Itulah nama yang paling mesra kalau anak-anak Pak Siri itu tidak perlu tuan tidak perlu itu tidak perlu ini kepada Pak. Jadi dalam bidang kebudayaan Pak memang minat. Kalau Pak kata minat sejak dari perut itu terlalu *jargon* [istilah] terlalu "Alah, iya ke ni?" tetapi emak seorang penari menora, primadona pun suaranya halus merisik dan terlalu merdu. Jadi itu sebabnya suara Pak ini menjadi kecil kerana ikut suara mak banyak. Tetapi tidak juga merdu. Jadi apabila mengandungkan Pak, dia masih lagi bermenora, mengandung tidak -- tua lah (batuk) dan menjadi inang menora tidak perlu lasak (batuk). Jadi barangkali dalam perut la kot. Jadi apabila besar apabila dewasa sudah faham persembahan dan sebagainya, jadi Pak selalu ikut orang tua ini pergi tengok wayang kulit, pergi tengok teri tengok apa-apa sebab di lingkungan kampung Pak itu fenomena melayu, alam orang-orang melayu yang sangat akrab dengan kami dan keakraban ini tidak akan ada lagi sekurang-kurangnya sepanjang hidup Pak. Kerana dia semakin pupus keakraban ya disebabkan oleh politik barangkali, pendakwahan yang sebelah barangkali. Pendakwahan sebelah dengan baik dengan orang kafir misalnya -. Jadi "Itu orang Siam kafir itu jangan berbaik dengan dia'',

jadi dia tidak kata jangan berbaik dengan orang kafir yang memusuhi kita, yang memerangi kita, yang menghalau kita daripada rumah kita dan mengambil harta kita. Dia tidak bercakap, itu yang Pak kata sebelah tidak *full* [penuh]. Dia tidak tahu. Barangkali dia sendiri tidak tahu bahawa kafir ini ada *dua* [2]. Satu zimmi yang akur kepada perintah Amirul Mukminin seperti Pak ini. Bila yang Pak kata jangan pakai hudud, pakai nak pakai pun takkan tangan saya pula dipotong jika saya tidak mencuri apa-apa. Takkanlah saya akan direjam saya tidak kacau *bini* [isteri] orang pun. Faham tak? *Bakpo* [Kenapa] yang kacau *bini* [isteri] orang *bini* [isteri] sendiri ada. Kalau tidak cukup seorang pergi ambil *dua* [2], *agah* [berlagak] jadi begitu. Jadi keakraban ini tidak wujud sekarang. *Mu* [kamu] jangan pergi makan rumah orang kafir itu, dia makan babi sembelih babi. Pak sendiri tidak makan babi. Rumah kami bila ada orang Melayu datang, satu bahagian dapur orang Melayu jaga *handle* [uruskan]. Anak-anak kampung, saudara-mara kami yang baru Islam di pulau datang *tiga* [3] motobot, datang duduk *satu* [1] minggu bila cuti sekolah dan apa dia beri pada kami, ikan bertong-tong ikan yang pekasam kukus, tenggiri semua bertong-tong dan juga bagi kutu pada saya. Sebab mereka berkutu, kita tidur sekali, balik mereka bercukurlah Pak. Tidak mengapalah apa boleh buat saudara saya. Tetapi hari ini tidak ada lagi itu semua. Nak pergi Mekah, orang akan pergi rumah Tok Ki Pak, "Tok, Cik Hassan nak pergi Mekah ni, lepastu nak pergi cari tok *seratus* [100] *dua* [2] kerana nak pergi makan di Pulau Pinang bukan nak buat kebajikan di Mekah nak pergi makan di Pulau Pinang tunggu kapal". "Mu [kamu] nak berapa?" Tok ki saya. "*Dua ratus* [200] Pak". Tidak apa. "Bila nak pergi?" Sekian-sekian bulan. Okay. "Awe [panggilan untuk lelaki], hari ini mari makan pulut rumah kita derma Cik Hassan nak pergi Mekah". Sayalah. Itu saya tahu sebab saya buat kerja ini. Saya tahu itu ini semua sebab saya tinggal dengan *tok* [datuk]. Hari ini buat dia sendiri masak pulut masak ayam masak apa pergi makan orang Siam. Bagilah *dua ringgit* [RM 2] *seringgit* [RM1]. Waktu dulu

*seringgit* [RM1] dua ringgit [RM2] ini mahal. Dan akhirnya dapatlah *lapan puluh ringgit* [RM80]. Dia pula *korek* [cari] daripada jual lembu dia yang dulu apa semua campurkan cukup hari datang Cik Hassan ini balik. "Mana Tok?", "Haa ambil nak *make* [makan]". Orang Siam buat untuk orang Melayu. Ada hari ini? Ini cerita karut ke? Tidak boleh masuk sekarang. Dan rumah saya anak-anak, tabung begini besar air zamzam. Tok Hassan bawa. "Balik Mekah dah Tok Ku" __, Dia tidak pandai kata, "Baiklah, aku doa mu [kamu] dapat haji mabrur. Dia tidak kata begitu sebab tidak *reti* [pandai]. "*Molek* [elok] *mu* [kamu] balik dah", "Ini tok air", "Air gapo [apa]?". "Air zamzam". Dia buka basuh muka, *bubuh* [tuang] dalam cawan bagi anak minum bagi cucu minum. Rajin *ngaji* [belajar]. Minum lah Pak. Ini bukan cerita mengarut *Nak* [merujuk kepada pengkaji]. Itulah akrabnya kami tetapi itu kerana air zamzam yang habis kerana duit kerana nak pergi Mekah. *Hok* [yang] main teri, *hok* [yang] bubur syura, "Main teri Tok", bawa beruk. "Tok!", "Ya, *guano* [kenapa]?", "Ambil *nyior* [kelapa] ni". "Ya, ambillah", "*Wak gapo* [buat apa]?", "Main teri Tok malam ni". Ini nak masak pulut main teri. Main teri bukan main teri sakit __ kampung. Berteri _ kampung dia panggil __. Tidak apalah tiada dah sekarang ini (ketawa). "Nah ambil lah", Ambil pedati anak-anak bawa pergi, *kuba* [kerbau pedati]. Separuh pedati itu *bubuh* [letak] *nyior* [kelapa]. Bayar? *No, nehi, nandeh,* [Tidak]. "Hah, bubur syura". "Tok, ambil *nyior* [kelapa]". "Buat *gapo* [apa]?". "Nak masak syura Tok". "Lepastu godio [apa dia] lagi?". "Tok, burung chak chiok yang rumah Tok hari itu ada lagi tak?". Tahu burung chak chiok? (bertanya kepada pengkaji) -- Bubur syura yang terbaik. *Bubuh* [letak] burung seekor. Burung tiok, tiok rumah. Orang kampung *igat* [tangkap] kalau ada. Itupun payah. Ambillah ____ (telefon Pak Siri bordering).

NS : **Petang-petang ada latihan Menora di rumah Pak Siri. Pak Siri ajar sendiri ke *lagumano* [macam mana]?**

SNB : Pak juga adalah seorang keturunan menora. Ayah memang ketua menora dan mak sepertimana Pak kata tadi. Jadi Pak dengan sendirinya memang ada keturunan menora dan boleh memain peranan sebagai Tok Peran dan juga tukang muzik _ yang senang. Pak telah ditawarkan menjadi Tok Menora dulu tapi oleh kerana terlalu terlibat dengan pelajaran dan masa mudanya lebih gelandangan. Jadi tinggalkan permainan itu. Tetapi sebagai Tok Peran iaitu salah satu daripada watak dalam menora itu, Pak main sebab tidak perlu banyak latihan lebih banyak inkofisasi. Jadi untuk mereka ini, Pak ajarkan bagaimana untuk menyanyi peran, bagaimana untuk lompatan peran dan dialog peran. Ini penting kemudian dalam dialog Inang, Pak juga ajar mereka berdialog Inang sebab menora, dialog menora ini lain daripada dialog biasa kita. Contohnya, (berdialog dalam dialog menora), Inang tanya,"*Abe* [abang] kata *gapo* [apa] *sakni* [tadi] tu *abe* [abang]. Dia kata "*Abe* [abang] kata *gapo* [apa]?", Tidak boleh, dia *tone* [nada] suara itu. "*Abe* [abang] kata *gapo* [apa] tu *abe* [abang?". "*Abe* [abang] kata ke adik ada bunga adik bunga kenanga adik". "Oh, ya la *abe* [abang] ada bunga itu duduk di mana?", "Duduk diikat dengan bendang padi adik padan adik bau adik akan kenanga rimba duduk tinggi tepi sawah", dia boleh bau sampai ke berkilometer. Itulah panorama desa zaman lampau lampau dan keindahan dan keharuman begini tidak ada lagi. Pak ini jenis orang yang nostalgialistik terhadap benda-benda begini. Sebab Pak tengok sawah padi di kampung Pak tidak ada sawah lain yang lebih *comey* [cantik] daripada sawah kampung Pak. Dan Pak balik baru ini Pak pergi tempat sawah padi yang telah kontang dan tidak ditanam apa-apa. Tetapi berdiri disitu mengingat bagaimana masa. Setengah orang kata ini tanda nak mati dah, ikut dia. Siapa dia dikecualikan daripada mati (bunyi kapal terbang).

NS : **Siapa penari untuk menora ini? Siapa dia?**

SNB : Penari menora ini budak-budak belia diajar oleh jurulatih di kampung hujung bakar

ini kami bawa di bawah bimbingan jabatan kebudayaan bawah tajaan Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negara, Negeri Kelantan. Dan Pak Menora ialah anak-anak disini yang kita ajar. Ajar nyanyiannya oleh jurulatih tersebut iaitu Pak Cucuh bukan Pak.

NS : **Boleh Pak ceritakan sedikit penerbitan yang telah Pak keluarkan sepanjang Pak berada dalam bidang ini.**

SNB : Pak tidak banyak menerbit dalam bentuk percetakan. Tidak banyak. Barangkali sekitar sepuluh sahaja. Barangkali begitulah yang boleh dibuktikan. Tetapi sebagai dalam bentuk kertas kerja biasanya. Itu beratus-ratus tapi banyak kertas kerjanya ulang yang sama contohnya kalau tentang masyarakat Siam, kewujudan masyarakat Siam di Malaysia. Berpuluh-puluh kali cakap benda yang sama tetapi kepada *audience* [penonton] yang berlainan. Dan kertas-kertas kerja ini berlambak ada dan Pak bukan seorang yang pendokumen. Ertinya tidak menyimpan untuk apa-apa (bunyi kertas diselak). Kalau ada, ada. Tidak ada, tidak. Begitu. Tetapi kalau yang terakhir tulisan Pak ialah mengenai Mak Yong (sambil membelek dan menunjukkan muka surat sebuah buku). Jadi tidak banyaklah kalau dari segi penulisan tetapi perbentangan terlalu banyak hampir setiap bulan ada (ketawa). Dan *dua puluh tujuh* [27] ini anda tahu kan Pak ada satu colokium serantau yang Pak telah dilantik menjadi penolong pengarah oleh *UMK* [Universiti Malaysia Kelantan]. Tahu kan? (bertanya kepada pengkaji) -- Ada dia punya *brochure* [risalah] letak dimana adalah dekat sini. Itupun Pak juga menyampaikan tentang kampung inikan. Jadi Pak ini tidak seimbang daripada menyampai dalam bentuk powerpoint dengan menulis dalam bentuk karangan tidak banyak sebab pertama sekali Pak rasa Pak bukan ahli akademik. Tetapi bila diperlukan penuh begitu. Tetapi telah diminta supaya membuat banyak lagi sebelum meninggal (ketawa) termasuk menteri kebudayaan minta Pak dan Pak telah berjanji untuk membuat.

NS : **Dalam masa sehari, pernah ke tidak Pak beri ceramah lebih daripada sekali?**

SNB : Dalam hidup Pak ini? Biasa sahaja bahkan tempat itu lain-lain pun ada. Cuma minta esok masa sahaja. Pernah Pak di Sabah, Pak menyampai *paper* [kertas] tentang *Malay World* [Dunia Melayu] di Universiti *UMS* [Universiti Malaysia Sabah]. Pagi itu pergi *Malay World* [Dunia Melayu], petang itu Pak terpaksa pergi ke Jabatan Belia dan Sukan bercakap tentang Rakan Muda Seni Budaya. Sampai ceramah. Ya, biasa *Nak* [panggilan kepada pengkaji]. Tetapi *loni* [sekarang] tidak. Setelah bersara setelah jadi tokoh warisan ini tidak, orang tidak seksa Pak begitu. Mereka akan tengok mereka ingin Pak mempunyai masa yang agak lama untuk berehat, mungkin faktor usia (bunyi sms telefon Pak Siri).

NS : **Dalam kalangan anak Pak, ada *tak* [tidak] yang macam menunjukkan minat untuk menjadi seperti Pak?**

SNB : Barangkali yang bongsu itulah. Barangkali anak yang bongsu yang mengambil tarian nampak macam selalu mengikuti apa yang Pak dapat. Selalu dan nampaknya macam menaruh minat.

NS : **Pak ada jangka masa bila akan bersara atau berehat selepas ini?**

SNB : Apabila tidak mampu bercakap. Itu sahaja (bunyi kicauan burung). Dan tidak mampu mengingat. Jangan sampai masa pada isteri pun, "Kau ini siapa?" Akan ada. Jadi kalau dengan isteri pun tidak ingat macam mana kita nak -- Kalau ingat pun kita tidak boleh nak bercakap. Mungkin strok ke apa ke. Itu sahaja. Kalau selagi boleh macam ini Nak [panggilan kepada pengkaji], akan terus. Ingat ya. Kebahagiaan mungkin boleh datang dengan wang, tetapi wang tidak semestinya mendatangkan semua kebahagiaan (bunyi rengetan cucu Pak Siri).

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: ASAL USUL KOTA KUBANG LABU**

NSM : **Selepas itu, soalan seterusnya pasal asal usul Kota Kubang Labu. *Lagumana* [Bagaimana] wujudnya Kota Kubang Labu itu?**

SNB : (Bunyi burung sepanjang sesi wawancara) Itu soalan *Nak* [panggilan kepada pengkaji]? Jadi Kota Kubang Labu ini ekoran daripada (berdehem) tindak tanduk Raja Perempuan Patani - Raja Mas Kelantan itu. Membahagi-duakan Kelantan. Tahun sekitar *seribu enam ratus sembilan puluh lapan an* [1698-an] (telefon bimbit bergetar). Dan pembahagian ini dibuatkan bagi membolehkan anak saudaranya - Ku Sulong ataupun Long Sulong yang kalah dalam perang di Vietnam ataupun Champa - untuk menjadi pemerintah. Jadi apabila Ku Sulong ini atau Long Sulong diberikan - kawasan dengan sempadannya ialah Sungai Kelantan. Jadi, beliau membuat istana di-tebing Sungai Kelantan di bahagian Barat (bunyi burung berkicau). Dan ada pula kawasan pecan -- ada yang kawasan yang tempat simpang perdagangan yang agak berpasir. Ada pula pangkalan, dan pangkalan itu--pekan, dan kampung itu namanya Pangkalan Pekan. Akhirnya jadi Pekan hari ini. Kemudian, diatas itu Pasir Pekan. Kita mengenalinya sebagai Pasir Pekan sahaja .Tetapi kita tidak kenal pekan yang bawah. Kalau ikut jambatan yang bawah, Pekan. Jadi -Ku Sulong ini *lah* [adalah] yang--sebagai pemerintah, dia kenalah buat Kota [istana]. Dia ambil tempat yang dikawasan yang agak lapang-diatas tanah yang rata dan (berdehem), dikeliling oleh pokok besar dan sebagainya - dan tidak jauh dari sungai. Dan disitu dikatakan ada kubang, untuk dia gali parit nanti dan dikatakan ditumbuhi oleh pokok - pokok labu. Labu ini ada dua. Labu air inikan - labu air dia duduk di tepi-tepi sungai, dan dia boleh

dibuat gulai, boleh dibuat masak. Dan satu lagi, (batuk) - labu pengat. Boleh dibuat pengat, boleh dibuat kuih. Jadi yang mana satu, kita pun tidak tahu. Kita tidak tahu yang mana satu. Tetapi mesti ada kubang yang ada pokok labu. Jadi sebab itu, orang sebutnya senang Kubang Labu, Pasir Pekan,Pekan, Istana Mensta dan sebagainya.

NSM : **Selepas itu, dimana letaknya Kota Kubang Labu itu? Kawasan?**

SNB : Letaknya kalau sekarang ini *Nak* [panggilan kepada pengkaji], Kota ini ditapak Masjid Pasir Pekan sekarang -- itu dia. Itulah tapak sebenarnya dan memanjang (dengan nada panjang) sampai ke bulatan itu, sampai jalan ke Pasir Mas. Ianya panjang, benteng luar itu lebih kurang tiga batu - panjangnya. Jadi benteng dalam itu, lain pula. Itu belum benteng luar, itu maknanya untuk menjaga keseluruhan kawasan. (Kedengaran suara cucunya sedang bermain) Itu jadi, apa (cuba mengingati) -- letaknya istana betulnya itu dikawasan *masjid* [Masjid al- Ismaili, Pasir Pekan] itulah, yang ada sekarang ini - tetapi dulu ada ditulis Kota Kubang Labu. (Suara cucunya ketawa) Tetapi apabila jalan dibaiki *Nak* [panggilan kepada pengkaji] - dibaiki, diperbesar ada *trafic light* [lampu isyarat] apa semua itu - papan itu telah dibuang kerana hendak meluaskan jalan, dan tidak dipasang semula. Menjadikan semakin hari perkataan Kubang Labu itu semakin lenyap. Jadi yang ada, Pasir Pekan dan Wakaf Bharu sahaja.

NSM : (Bunyi deruan kipas meja sepanjang bertanya soalan) **Selepas itu, kawasan takluk Kota Kubang Labu pada masa itu dikawasan mana?**

SNB : Kawasan takluk Kota Kubang Labu adalah Kelantan Barat. Kelantan Barat

maksudnya kalau kita menghulu sungai, mudik kehulu, ertinya dari kuala pergi ke dalam. Itu dipanggil mudik ke hulu. Kalau *bila mudik* ke *hulu* sebelah kanan tebing sungai itu. Sepanjang sungai itu, sampai ke hulu Kelantan dan dari atas tebing itu sampai ke daerah Pujuk, Patani iaitu atas pada Bukit Tanjung, Narathiwat sekarang ini - itu adalah Kelantan Barat (terdengar suara cucunya bercakap) - itulah luasnya. Dan kalau kira keluasan barangkali *dua ribu* [2000] batu persegi (nada panjang). Ya apa ini (mengingati) batu persegi ataupun sekitar *tiga ribu* [3000] lebih kilometer (bunyi burung). Tetapi kita harus faham, sempadan dulu dia tidak ada satu batu tanda. Dia cuma rasa -- "Sungai ini, ini, *mu*[kamu]. Sungai *mu* [kamu], *mu* [kamu]. Sungai ini aku, aku ", "Pokok - pokok *nu* [sana] pokok - pokok besar *nuh* [sana] sebelah cukkk (menujukkan arah) *mu* [kamu], *kok* [sebelah] sini aku". Naik Bukit, pandang betul- betul pandang ke Pulau Susu Dara. Sebab apa dipanggil susu dara? Sebab bentuknya sepertimana bentuk susu seorang anak dara. Jadi mula-mula bila *PAS* [Parti Islam Semalaya] memerintah, *PAS* [Parti Islam Semalaya] kata jangan tulislah Susu Dara, lucah dia (merujuk kepada pemerintah semasa itu) kata - tulis Pulau Tudung Saji. Tapi bila dia habis memerintah, Susu Dara keluar balik. Apa salahnya, itu bukan lucah. Tapi *nak* [hendak] kata apa kalau benda ini? Kan? (bertanya kepada pengkaji) Jadi tengok daripada Bukit Jong menghala ke Pulau Susu Dara nampaknya Pulau Susu Dara itu masuk ke kanan - Terengganu punya. Atas pada Susu Dara tidak kira ada pulau atau tiada pulau - cruuu (tunjuk arah) Kelantan punya. Jadi tiada satu *habuk* [pun] pulau di Kelantan. Betul tidak? Mana ada (menafikan). Pulau lautan - jangan pula hentam pulau ada tujuh - dikelilingi air. Betul. Bila boleh sebut pulau, mesti la daratan

dikelilingi air. Tujuh itu banyak, delta-delta dikelingi air. Naik setompok pokok yu *tiga* [3] pohon," Itu pulau itu". Betul tapi dalam konteks pulau di luar (bunyi getaran telefon bimbit). Cuba tengok Terengganu, berapa kilometer baru nak *gi* [pergi] itu jumpa pulau dah. Begitu.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4 : RENTETAN PERISTIWA KOTA KUBANG LABU**

**NSM :** **(Bunyi burung) *Pastu* [Selepas itu] kita masuk bahagian rentetean sejarah di Kota Kubang Labu. *Gapo* [apa] peristiwa *hok* [yang] berlaku di Kota Kubang Labu. Perang pertama ke, perang *hok* [yang] besar ke?**

SNB : Perang – perang ada tiga perang besar *Nak* [panggilan kepada pengkaji]. Dalam Kota Kubang Labu ini perang besarnya, perang antara apa ini (sambil mengingati) - perang antara Timur dan Kelantan Barat. Kelantan Timur dan Kelantan Barat. Itu juga satu perang besar antara kumpulan daripada Pangkalan Batu - Satu. Ini boleh tengok dalam itu (buku rujukan) (bunyi burung). Dan keduanya perang, (bunyi burung berkicauan) diantara (cuba mengingati) -- diantara Long Deraman dengan Long Pandak. Kes --ada setengah kata Long Muhamad. Tapi ramai kata Long Pandak. Yang kes dia bila dia dapat mengalahkan Long Sulaiman, jadi tiga perang (bunyi motosikal sayup-sayup). Perang Timur dengan perang Barat *sekali* [satu kali]. (Bunyi burung) Selepas itu perang Long Sulaiman dengan Legih - Raja Legih. Dan Long Sulaiman terbunuh dan lalu diangkatnya - yang dikatakan Long Muhammad ataupun Long Pandak. Itu tidak ada siapa yang dapat menentukan. Tapi Anakanda beritahu la setengah mengatakan Long Pandak, setengah Long Muhammad. Begitu. Sebab kita tidak tahu, kita bukan lahir dizaman dia kan? Tapi catatan pun tidak itu-- "Raja Legih! Raja Legih!", "Raja Kota Kubang Labu! Raja Kota Kubang Labu!", "Sultan Kelantan! Sultan Kelantan!" kata. "*Sapo* [siapa] di *nuh* [itu]?", "Sultan Kelantan lalu", "Siapa dia?", "Mana aku tahu". Dia tidak kata "Haa *nuh* [itu] *weh* [eh] Sultan Muhamad yang Ke-Lima [ke-5] *alias* [atau] Sultan Tengku Fakhry [Sedikit

ralat. Sebenarnya Tengku Faris, Tengku Fakhry merupakan adinda Tengku Faris] *Weh* [Eh]", tidak ada. Betul tidak? Ini jadi susah hendak *panah* (target) *hok* [yang] mana satu. Jadi--berlakulah sehingga Sultan Long Sulaiman terbunuh. Dan kemudiannya kisah (bunyi burung) - Long Deraman berperang pula dengan Long Muhammad *alias* [atau] ataupun Long Pandak tadi (nada yakin) – *check* [semak] dulu *deh* [ya]? Buku ini kalau tidak silap Pak – (bunyi mesej telefon bimbit) Long Muhammad. Tapi ada yang kata Long Pandak. Jadi kerana kesnya cemburu *kain cak pekung* [dikenali sebagai Kain Cindai] (nada semangat). Tahu kan? Cemburu di kain cak pekung. Dia *bui* [bagi] adiknya nikah dengan Raja nama Rajo Moi ke Raja apa itu -- selepas itu, dia pergi itu kain ikat pekung Long Ghaafar - Long Ghaafar dengan dia itu sepupu. *Pahtu* [selepas itu] dia pergi ambil, dia *suruh* [minta] inang pergi ambil dengan Long Ghaafar di Long *nuh* [sana]. Bukan *dia* [isteri Long Muhammad] minta, pergi ambil sendiri, *dok* [tidak]. Dia suruh inang ambil (bunyi cucunya ketawa) Tetapi dia kata jangan *royak* [beritahu] *ko* [kepada] *tok laki* [suami] dia sebab nak *bui* [bagi] *suspen*. Dia- niat dia itu nak *bui* [bagi] suspen *Nak* [panggilan kepada pengkaji] - dia tiru balik kain itu. Tujuannnya nak *bui* [bagi] ke *tok laki* [suami] dia. *Gak* [Selepas itu] - letak atas cuki [alat menenun] - tengahari tidak siap atas cuki tempat *tenung* [menenun] dia panggil cuki. *Pahtu* [selepas itu], lalunya apa (bunyi burung) suami dia balik *sakni* [tadi] ini nampak kain itu dia tahu Kain Cindai itu kain pekung Long Ghaafar. Ini curang *dahni* [sudah]. Tidak *dan* [sempat] hendak tanya - tidak *dan* [sempat] apa -- Crakkk (tunjuk gaya tikam), tikam *selalu* [terus]. Jadi mati *tugak* [setelah mati] *bubuh* [letak] dalam gajah -- Itu boleh cerita riwayat itu. Faham tidak? *Bubuh* [letak] dalam gajah, gajah gak *wat*

[buat] pergi sampai di Tanjung Che Mas itu - ikut kota Ibu Kota Legih itu -- Orang hendak tutup sudah istana. Gajah itu bertempik. Haa - kita *royak* [beritahu]. Ini ada dalam ini (buku rujukan). Gajah itu bederam – bertempik – "Aaauuu (membuat bunyi gajah bertempik)". Jadi bila gajah bertempik *sakni* [tadi] - Long Deraman *dok* [duduk] dalam istana *sakni* [tadi] – "Eh itu gajah aku bunyi *lagu* [macam] itu" Macam Pak, Pak dulu *pero* [pelihara] lembu. Lembu Kasi. Huwwarghhh (melakonkan bunyi lembunya) "Itu lembu aku itu". "Uerghh, Mbeehh ", anak *kuba* [kerbau] *rabek* [istilah kerbau dalam loghat Kelantan] mana ini. Ha – itu. Jadi, kita hidup dengan begitu. Orang *loni* [sekarang ini] *kuba* [kerbau] pun tidak *reti* [tahu] (nada sinis). Tahu - kita kata *kuba* [kerbau] *wat* [buat] *galo* [mengembala], "Eh? *Galo* [mengembala]?" (Melakonkan dengan nada hairan). Dia *wat* [buat] sira dengan rendang sahaja dia tahu. Jadi, itu peristiwa. Jadi, itu yang Long Deraman mari semula selepas perang. Dan yang ketiga, apabila dia kata Long Muhammad mati, angkatlah Long Pandak mengikut ini la. Jadi, bila dia *duk* [sedang] syak takut Long Yunus anak Long Sulaiman *nak* [hendak] balas dendam. Jadi *duk* [tengah] angkat kumpulan bersenjata kumpulan apa ini sampai dua puluh [20] ribu orang belia (bercerita dengan penuh semangat) - dia *igat* [tangkap] untuk jadi askar paksa. Akhirnya kumpulan ini telah dibebaskan oleh Long Yunus dengan Long Ghaafar (bunyi burung). Dan didalam medan perang, Long Ghaafar pun dia tetak. Tetak bunuh siapa dia? Bunuh siapa dia? Long Pandak dan tetak sekali juga Long Deraman (bunyi cucunya menjerit). Long Deraman tidak mati *selalu* [terus] -dia mati kemudian (bunyi kapal terbang diruang udara).

**NSM : *Pastu* [Selepas itu] kita tanya pasal ini lah, *hok* [yang] peperangan antara Long Sulaiman dan Long Deraman. Punca dia itu *rano* [macam mana]?**

SNB : Puncanya, dia nak *bui* [bagi] Long Muhammad - kita *royak* [beritahu] disitu, saya lebih percaya bahawa Long Muhammmad. Dia hendak *bui* [bagi] Long Muhammad ini menaiki takhta Kubang Labu yang telah diserah takhta itu diserah kepada Long Sulaiman oleh Datuk Pujuk - Datuk Pujuk - Datuk Nuh Pujuk yang menjadi Sultan Patani (bunyi burung). Kerana Datuk Nuh ini - dia --Long Yunus, dia bunuh Sultan Yunus, Patani. Jadi Sultan Yunus ini adik Long Sulaiaman. (Bunyi deruan angin kipas meja) Cuma di Patani ini, dia anak gundik Long Sulaiman. Long (Long Yunus) ini anak gahara - jadi *bui* [bagi] la Long Yunus pegang takhta. Dia *sakni* [tadi] diberi oleh Tok (Datuk) Nuh, (bunyi suara cucu Pak Siri sedang bermain dengan ibunya) satukan *Kelantan Utara* [Kelantan Barat sebenarnya] dengan Kelantan Barat – satukan. Jadi, dia duduk di Timur, tapi *loni* [sekarang ini] dia *duk* [duduk atau berada] di Barat. Jadi dia *mari* [datang] la pindah di Kota Kubang Labu. Sungai besar - mudah. Jadi Long Deraman *sakni* [tadi] hendak la *bui* [bagi] Long Muhammad naik semula sebab itu ayah dia. Jadi dia *duk* [sedang] *kesah-kesah* [berunding] *sakni* [tadi], Long Sulaiman tidak *bui* [bagi]. Tidak *bui* [bagi], tidak *bui* [bagi] *sakni* [tadi] - *lastnya* [akhirnya] berlaku lah peperangan (bunyi deruan angin kipas meja) - pemberontakan. Itu yang menyebabkan Long Sulaiman tewas (bunyi deruan angin kipas meja). Gempur istana. Peperanganlah.

**NSM : Jadi Long Sulaiman orang bunuh lah?**

SNB : Dibunuh oleh Long Deraman. Rakyat tidak akan bunuh raja walaupun raja itu musuh dia. Tapi raja sama raja *loh gi* [teruskan la]. Itu dia. Tapi jalannya panjang *Nak* [panggilan kepada pengkaji]--kalau itu -.

**NSM : Selepas itu siapa ambil pemerintahan itu? Kira Long Muhammad itulah? Orang *angkat* [tabal] Long Muhammad?**

SNB : --Long Muhammad. Kalau kita kiranya *buh* [letak] Long Muhammad kalau mengikut buku ini (merujuk kepada buku catatan yang Pak Siri taip semasa bertugas sebagai Setiausaha). Jadi Long Muhammad ini dia *bui* [bagi] adik dia nikah dengan Long Muhammad - Long Deraman ini. Dia letak Long Muhammad ini sebagai Raja Kubang Labu tetapi dibawah Legih (bercerita dengan nada meyakinkan pendengar). Dia (Long Muhammad) kena la hantar ufti ke Legih, kena la hantar belanja ke Legih, kena la kalau nak kerah tenaga *gapo-gapo* [apa-apa]. Legih *nak* [mahu], kena *bui* [bagi]. Itu maknanya *bawah Legih* [dibawah kekuasan Legih].

**NSM : Kira Legih itu nama Raja ke nama kawasan?**

SNB : Nama Negeri. Negeri Narathiwat itu sekarang, Menaro itu Negeri Legih. Istana Raja Legih ada lagi *pah* [sampai] *loni* [sekarang]. Tapi *loni* [sekarang] dia *takdok* [tiada] nama Legih. Orang Melayu panggil Legih lagi, tetapi orang Siam panggil Lengih - Rengik. Panggil Rengik. Dan apa ini – (bunyi suara cucunya) Ibu Kotanya Tanjung Mas. Di panggil Tanjung Mas *loni* [sekarang ini]. Jadi itulah negerinya. (Buka peta Thailand dan membelek-belek peta) "Tolong cari Legih (meminta pengkaji mencari Legih didalam

peta Thailand)-- *try* [cuba] tengok ada kawasan ini? "(Bertanya dengan nada berbisik)(Penyelidik mencari kawasan Legih di dalam peta) "Legih --Ada jalan kereta api". (Bunyi burung-burung berkicau)." Ada?" (Bertanya sambil mencari lokasi didalam peta).

**NSM** : ***Pastu* [Selepas itu] keluarga Long Sulaiman itu dia halau ke *rano* [macam mana]?**

SNB : Long Sulaiman ini, ada anak kepada Long Besar di Patani Nak. Dan ayah dia dulu pon *meme* [memang] raja di Timur-- tetapi dia kemudiannya mewarisi takhta di Timur daripada ayah dia--Tuan Besar. Tetapi apabila dia bawa tenteranya untuk menyiasat kematian Sultan Yunus - dia telah dihadiahkan oleh Sultan *Nuh* [Yunus], Sultan *hok* [yang] Raja Pujuk , *Hok* [yang] bunuh adik dia itu menjadikan Kelantan Barat itu kepada dia *belako* [semua]. Dia pon satukan Kelantan Timur Barat itu. Dia sendirinya tidak terhalau. Dia memang raja di situ la. Tetapi, dia menjadi juga Raja Timur (bunyi getaran telefon bimbit), menjadi juga Raja Barat. (Bunyi suara cucunya) Jadi dua-dua itu dia jaga. Jadi cuma dia - waktu dia keluar dari Patani sebelum nak jadi raja ini, dia sudah pun berkahwin dengan seorang anak pembesar Patani. Boleh anak seorang, namanya Long Yunus. Bukan Sultan Yunus - Long Yunus. Jadi, Long Yunus ini dia hidup tidak lama kemudian, Long Nuh ini sudah--Long Nuh (merujuk kepada Sultan Yunus, bukan Long Yunus) sultan yang *baruni* [sebelum ini]. Dia *koho* [semakin] lama *koho* [semakin] tidak percaya la takut budak (merujuk kepada Long Yunus anak kepada Long Sulaiman) ini boleh *royak* [beritahu] rahsia, *bakpo* [kenapa] dia bunuh Sultan Yunus bapa saudara budak (Long Yunus) ini. (Suara cucunya bermain) Jadi

melalui Raja Perempuan Patani, halau Long Yunus ini keluar daripada istana. Jadi, Long Yunus ini bergelandangan. *Hok* [Yang] *ini* baru betul-betul bergelandangan (maksudnya lebih merujuk kepada merantau). Tetapi bila Long Sulaiman pergi ke Turki, ke Mekah, sebab dia memang pergi belajar *sungguh* [betul-betul] -Long Sulaiman ini orang hebat. Jadi bila dia pergi belajar ini -bila dia pergi belajar *sakni* [tadi]--nanti dulu tidak ingat (cuba mengingati)--jadi Long Yunus ini dia tidak *doli* [peduli] dah ayah dia jadi apa. "Uh, tak *caro* [peduli] ah". Dia pernah mari duduk di istana Kelantan dan dengan istana timur ini dia pergi duduk jadi tukang sapu di istana. Tapi Long Besar ini, *tokki* [datuk] dia di Timur ini, tidak tahu pun kata itu cucu dia. Duk *bui*[bagi] makan, *bui*[bagi] pakai -begitu la. Tetapi naluri dia, Puteri Long Bahar ini -kesian tengok Long Yunus *sakni* [tadi], tolong pergi basuh lantai Puteri Raja *sakni* [tadi]. *Belam-belam* [Sambil-sambil] itu *sakni* [tadi], kena marah -Raja marah. "*Bakpo* [Kenapa] *duk* [pergi] tolong hamba [Long Yunus] ini?". Dia tidak tahu itu cucu dia. Jadi Long Yunus ini hidup bergelandangan *sungguh* [betul-betul]. Hidup dengan rakyat sakar. Hidup--Sampai la kepada suatu hari jumpa dengan pemuda remaja sama [sebaya] dengan dia [Long Yunus]--(bunyi telefon bimbit bergetar) nama Long Ghaafar. (Jawap panggilan telefon).

SNB : *Hok* [Yang] *sakni* [tadi], halau bergelandangan menjadi apa ini - pekerja istana. Hamba *jah* [sahaja]. Tukang basuh, tukang jaga, tukang cuci di istana *tok* [datuk] *dia* [Long Yunus itu, Tuan Besar ayah kepada Long Sulaiman itu. Jadi, suatu hari dia jumpa dengan seorang remaja, keturunan Raja juga namanya Long Ghaafar. Namanya Long Ghaafar ataupun Ghaafar atau Jaafar, *hak* [yang] *tulo* [sama] lah. Jadi *hak* [yang] ini pun anak Raja Reman,

Yala yang telah bermasalah dengan orang tuanya. Jadi telah dihalau jugak. Jadi dia pun *gitu* [begitu] juga, jadi bersahabatlah mereka berdua *ini*. Dan kerja mereka hari-hari adalah pergi berlaga ayam. Berlaga ayam, tetapi tidak berjudi. Berlaga suka-suka. Tetapi dalam pada itu pun ambik tahu juga hal-hal negeri ini. Tetapi, dia sendiri kata dia tak *sei* [mahu] *cara* [ambil tahu]. Ambillah ke *demo* [kamu]. (bunyi kicauan burung) Dia nak jadi raja *guano* [macam mana]. Dia pun *mace* [macam] rakyat juga, tiada harta, tiada benda. Jadi, pada suatu hari--temu dengan Panglima-Panglima Muda Terengganu. Mari duk cari ayam nak *belago* [laga] dengan --dagang Bugis. Bugis itu pertaruhkan tujuh buah kapal -dengan isi-isinya sekali--dengan ayam. Kalau ayam bugis menang, separuh Negeri Terengganu *nak* [hendak] diambil oleh Bugis. Kalau ayam kalah, ambillah semua kapal, *bui* [bagi] belanja *kelik* [pulang] sahaja. Itu cara dulu. Itu yang kata kampung Daerah Besut itu berlaga ayam. Tetapi Pak tidak tahu betul ke berlaga ayam, bila, tidak tahu. Sebab dia ada cerita secara tulisan (batuk). Jadi Long Yunus *sakni* [tadi] ada ayam dia. *Hok* [Yang] menang *sokmo* [selalu]. Setengah kata--itu cerita rakyat--setengah kata ayam itu --telur ini waktu dia [Long Yunus] kena *hambak* [halau]. Dia kena halau, dia *dan* [sempat] ambil telur sebutir. Telur ayam kampung. *Pahtu* [Selepas itu] dia *duk* [duduk] *gendong* [galas], dia *bubuh* [letak] dalam *gendong* [galas]. Tahu gendong? (bertanya kepada pengkaji) Dia dulu kan, kita gendong. Pak dulu buah kemunting *bui* [bagi] *gendong* [galas] la. Jadi *bubuh* [letak] nya kemana-mana dia pergi. Kalau tidur pun dia letak himpit dengan dia. Jangan sampai dia tindih -- seolah-olah mengeram. Jadi, dengan cerita--oleh itu--Itu cerita rakyat (bunyi telefon bimbit bergetar) boleh la. *Tubik* [Menentas] la anak ayam jantan. Menang

*sokmo* [selalu]. *Jadi* [Oleh] itu dia panggil Bakas Racun. Nama ayam itu, bakas. B-A-K-A-S. Racun. R-A-C-U-N.

**NSM** : **Maksud Bakas itu?**

SNB : Bakas--racun bisa. Bukan bekas. Bakas Racun. Jadi, bila dengar Panglima Muda Terengganu *sakni* [tadi] minta itu gak – "Ai, kita cuba la nasib kita. Sebab tengok pada dagar ulamak tok guru kita ini. Pada dagar. Beguru la kan? Kita dapat tuah Terengganu ini". Jadi, terima la cabaran *sakni* [tadi] (bunyi kicauan burung). Jadi pergi berlaga la disatu tempat namanya Pulau Mas Sekati - berlaga ayam. "Orang sorak tu gak, ria, riaa (lakonan untuk bunyi sorakan)". Sebab Bakas Racun ini mahal, ayam Bugis. Yang sudah *joro* [juara] ini *dok* [kan], *takleh* [tidak boleh] *mengoh* [bangkit], mati ditikam dengan Bakas Racun. Jadi bila mati - bila menang, utusan pun lari mari *royak* [bagitahu] dengan Sultan Terengganu *selalu* [terus]. Nama sultan itu Sultan Mansor -Marhum Janggut. Selepas itu dia kata "Ho ini baru betul anak aku". Seronok dianya [Sultan Mansor]. *Pahtu* [Selepas itu] dia pon, *bui* [bagi] duduk Terengganu, bui [bagi] la rumah kecik, rumah *sebutir* [sebuah] *bui* [bagi] duduk. Dipermuliakan (bunyi menyedut hidung). (Suara cucunya bermain) Jadi cerita ini sampai ke telinga - Long Muhammad di Kota Kubang Labu nuh [sana]. Dia menang ayam, dia duduk dilindungi dengan Raja Terengganu. Jadi di hantarnya angkatan perang hendak menghapuskan Long Yunus. Tetapi mengikut riwayat dalam buku ini, riwayat Tradisi Kelantan- Long Pandak yang pergi itu, kena (berdehem) tetak di Long Ghaafar. Dan Long Ghaafar menjadi panglima perang di Terengganu dan keberanian Long Ghaafar ini memang tiada tolak bandingannya. Dan apa

mereka [merujuk kepada Long Yunus dan Long Ghaafar] berada ulang alik antara Kelantan Timur di Terengganu dan sebagainya selama sembilan tahun. *Pahtu* [selepas itu] lagi? (Tanya soalan lain).

**NSM : Masa menang itu, kiranya Long Yunus minta apa masa itu?**

SNB : Tiada minta apa-apa. Minta hendak duduk. Tapi Sultan Terenggnu nikahkan Long Yunus dengan anak dia. Anak dia itu nama Che Ku Tuan Nawi. Long Ghaafar ini nikah jugak. Tetapi dengan nama (Isteri Long Ghaafar) apa dia, Pak tidak kisah (bunyi hidung). Jadi menantu Sultan dianya. Jadi (berdehem), bila menantu sultan - dia pun duduk la di Terengganu. Makan minum, ya, duduk macam raja. Dia tanya khabar. *Kelik* [Pulang] *sekali-sekala* [jarang-jarang], *kelik* [pulang] cara rahsia ke Kelantan (batuk). Dan sehinggalah Long Pandak tadi - apa ini - Raja Kota Kubang Labu ini hantar angkatan perang -- tetapi kalah. Dan kemudiannya, Long Deraman - Long Pandak [Long Muhammad], -- disamping itu telah menyediakan bala tentera untuk nak serang Terengganu. Jadi kata Long Ghaafar tetak Long Pandak, jadi Long Pandak *sakni* [tadi] -- waktu dia hidup lagi. Dan dalam sembilan tahun, jadi *serba-serbi dia lakukan* [maksud disini, Long Ghaafar telah merancang strategi dan mengkaji selok-belok Kota Kubang Labu untuk merampas kembali Kota Kubang Labu dari Long Muhammad dan Long Deraman].

**NSM : Kira dia tuntut bela balik atas kematian ayah dia ke *rano* [macamana]?**

SNB : Dok [Belum] lagi, dia *takleh* [tidak boleh] lagi. Tapi dia memang serah pada takdir. Pasrah. Kerana dia *taksei* [tidak mahu] tahkta. Dia kata bosan dengan

takhta, tengok ayah dia jadi raja pun mati. (Bunyi suara cucunya bermain) Bosan, bosan dengan hal takhta-takhta, hal raja-raja. *Dia tidak* ada *ambitiuous* [bermotivasi]. Sembilan tahun duduk macam itu. Apabila Long Pandak apa semua cadang nak serang dia *sakni* [tadi], ambil bala tentera beribu-ribu daripada belia Kelantan. *Tak* [Tidak] *bui* [bagi] - bunuh *Mak* [emak], *pak* [bapa]. Degil bunuh. Padi ambil untuk biayai tentera. Khabar itu sampai la kepada Long Yunus (bunyi mesej telefon bimbit masuk). Jadi, Long Yunus yang tidak *ambitious* [bermotivasi] mengikut Tradisi Kelantan, amat marah. Dan memohon kepada Raja Terengganu, bala tentera--handal untuk serang (bunyi sedutan hidung sambil terdengar cucunya ketawa bersama ibunya). "Menantu orang cina lagu tu (ketawa kecil memberitahu kepada penyelidik)". Jadi nak minta Sultan Mansor *bui* [bagi] bala tentera dia yang handal-handal kepada Long Yunus dan Long Ghaafar. Jadi waktu itulah tentera Legih -- itu nak ceritanya - tentera Legih buat la ronda sampai ke Terengganu *mari* [datang] serang. Serang itu, mereka buat kalah. Lari yang lain. Jadi serang dengan tengok orang tidak lawan, orang dulu-dulu *gentle man* [sifat kelakian]. Kalau dia mari hendak serang, kita tidak lawan, dia tidak buat apa. Dia kata "Mana ayam, nak ayam *tiga* [3] ekor?", "Ambik la". "Mana kerbau?", "Ambik la". Kita sajo - kita undur. Orang dulu *gentleman* [sifat kelakian], orang loni *gentle girl* [sifat kewanitaan]. Bom degum (lakon bunyi bom), turun tidak kira dah salah tidak salah. Duduk - kalau tidak lawan, *tak* [tidak] apa tidak akan diapa-apakan. Jadi, begitulah juga dengan *ini* [perang yang ini]. Jadi bila pergi nak tengok dan hendak lawan, tidak ada. Askar Terengganu *duk* [sedang] bersorok "aaa, yaaa" (lakonan bunyi sorakan). Ambil apa dia nak ambil. Balik - balik ke Legih. *Gak kelik* [Selepas

balik] *sakni* [tadi] perahu yang askar-askar perang *sakni* [tadi] itu. Perang dia perang jugak, tapi buat kalah. Bukan kata mari gak kosong," Kita menang tidak lawan". Bukan begitu, dia kena adil jugak, tapi buat kalah. Undur. Jadi perahu itu mari *tujuh* [7] orang, *dua* [2] perahu, tinggal *empat* [4] orang. Nak ambil perahu itu pula nak kayuh *bukan dia* [tidak masuk akal]. Jadi askar Long Yunus tadi, askar Terengganu dia tadi, pergi ambil baju askar Legih. Sebab dulu pon ada uniform juga. Uniform cara-cara dia lah. Dia ambil baju askar Legih ini hok mati, dia pakai. *Pahtu* [Selepas itu], dia ambil perahu yang ditinggalkan oleh Legih *sakni* [tadi], yang kosong tadi, dia ikut (nada panjang) askar Legih. Askar Legih *kelik* [pulang] ke Terengganu. Dia ikut (nada panjang) ke Terengganu. Puak-puak dia -- Puak-puak Terengganu tadi, "Yang mana tidak boleh *kecek* [cakap] Kelantan, *jangang* [jangan], *jangang* [jangan] *kecek* [cakap]. *Tak dok* [tiada] *kijooang* [kerja]". Jadi hak askar Kelantan dalam itu *jah* [sahaja] yang boleh *kecek* [cakap] Kelantan, yang dibenarkan *kecek* [bercakap]. Jadi, "Yeng, yeng, yeng"(melakonkan bunyi kumpulan perang bersembang sesama sendiri). Sampai ke perahu Legih, "*Guano* [Macamana], *buleh* [dapat] apa?". "Ho, wea,wea,--waa,waa."( Lakonan bunyi sahutan). Jadi askar Terengganu senyap (nada meleret), senyum dia. Jadi dia tidak tahu kata askar Terengganu sudah ada, musuh sudah ada. Jadi bila nak tutup pintu itu, askar-askar *dan* [sempat] musuh masuk dah.

NSM : **Masuk dalam Kota?**

SNB : Dalam Kota Besar, pintu Kota mesti ditutup. Tapi *loni* [sekarang ini] *dok* [sedang] tunggu askar masuk dulu. Askar masuk gak -- tutup la. Selepas

musuh masuk, dia tidak tahu. *Bo* [Menjelang] subuh, askar-askar ini, *raaa* [serang] pergi *selalu* [terus] mengamuk. Panglima Perang Legih bangun tu, pedang *dok* [berada] di *tekok* [leher] dah.

**NSM : Masa yang serang tu berapa ramai bala tentera dia ?**

SNB : -- Dalam (berfikir) - dalam *lima ratus* [500] rasa, *lima ratus* [500].

**NSM : *Hok* [Yang] Legih?**

SNB : *Hok* [Yang] Legih beribu.

**NSM : Terengganu ke Legih?**

SNB : Ya. *500* [Lima ratus]. Dia tidak boleh ramai sangat, kalau ramai sangat dia syak. Selepas itu, nak kena ambil baju yang sudah mati lagi. Itu -- cerita dia.

**NSM : Selepas itu, macam dengan askar-askar yang di Kota Kubang Labu itu memang dengan rela hati jadi askar? Atau kena paksa-paksa oleh Raja Legih?**

SNB : Dipaksa oleh Raja Legih. Itu la pertempuran kali kedua. Kali ini masuk dalam itu -- Long Yunus tidak bunuh lagi. Dia cuma rampas kuasa sahaja. Long Pandak – *sign* [tandatangan] -- memerintah dengan adil, jangan hancurkan rakyat. Dia tiada lagi ingat hendak jadi raja. Dia nak suruh perintah dengan adil. Sampai begitu dia (nada kagum dengan Long Yunus yang hanya meminta untuk menandatangani perjanjian agar memerintah dengan adil, bukan untuk merampas kuasa dari *Long Muhammad* [Long Pandak]. Selepas itu, balik semula ke Terengganu. Tetapi, Long Pandak tadi

dia *sign* [tanda-tangan] kerana paksa -- sebenarnya dia *taksei* [tidak mahu]. Bahkan, dia buat angkatan pula nak serang Terengganu. *Kali ketiga inilah*, Long Yunus buat betul-betul dengan Long Ghaafar. Buat betul-betul.

**NSM : Kiranya Long Ghafar dengan Long Yunus ini lawan Long Pandak dan Long Deraman?**

SNB : Lawan Long Pandak dan Long Deraman. Long Deraman Baginda.

**NSM : Kira berapa lama dia ambil masa itu?**

SNB : -- (Berfikir) *Tiga* [3] bulan. Untuk persiapan, untuk berjalan dan akhirnya kepung Kota itu. Dan pagi bangunnya tengok-tengok, askar Terengganu boleh masuk. *Pahtu* [Selepas itu] cerita *lagu* [macam] mana askar itu boleh masuk -- cerita rakyat pula (Tokoh sarankan cerita seterusnya).

**NSM : Strategi dia masuk itu *rano* [macamana]?**

SNB : Strategi dia -- dia bawak *3000* [tiga ribu] askar. Askar dalam kota ini *1000* [sepuluh ribu] -- askar paksa juga la. Itu paksa. *Pahtu*[Selepas itu] askar di seberang sana, seberang Kota Bharu *nu*[sana], *alik*[sebelah] nu[sana], tidak ada Kota Bharu lagi hari itu. Orang panggil *Kale Galo* [Pengkalan Gala]. (Batuk) *Kale* [Pengkalan] sebelah sana *loni* [sekarang ini] Istana Kota Lama, *Kale Galo* [Pengkalan Gala]." Kubu itu geting tengah-tengah itu yang dia buat rumah *lon*i [sekarang] tu tak ada lagi. Pak pergi dengan naik bas pergi mari, pergi mari, tak ada lagi. *Loni* [sekarang ni] boleh buat rumah. Ha -- *loni* [sekarang ini]" (mengimbau kenangan lalu). Jadi kubu *alik* [sebelah] sana pon ok. Dan sorak, "Geng,geng,geng (lakonan bunyi sorakan)". *Alik*

[sebelah] sana pon sorak, (Geng,geng,geng (lakonan bunyi sorakan)". Jadi ingat dengan puak-puak dia [maksudnya disini, askar Kota Kubang Labu tidak menyedari askar musuh telah masuk bersama askar-askar Kota Kubang Labu kedalam kota]. *Pahtu* [Selepas itu] sampai dalam lebih kurang *satu* [1] kilometer daripada Kota Kubang Labu itu.

NSM : **Masuk *alah* [ke] dalam la tu?**

SNB : --Tidak sampai Kota lagi. *Pahtu* [Selepas itu] "Mu tembak meriam". Debungg (buat bunyi meriam). Tembak meriam. Maksudnya sampai dah la musuh orang. Jadi, "Ini Kota Kubang Labu (ambil kertas, bercerita sambil lakar), ini Kota Kubang Labu, ini sungai, sungai ni Sungai Kelantan lah, Ok. *Pahtu* [Selepas itu] bawa marilah (sambil melakar)". Untuk tidak didengari, mereka kayuh dengan tangan sahaja. Bala tentera ini--Ini cerita rakyat. Mengikut tradisi, mengikut cerita rakyat, mengikut cerita orang --boleh tengok dalam buku ini (tunjuk buku). Jadi kuis dengan tangan. Sebab kalau *peranak* [pendayung], "Prok.prok (bunyi air)". Bunyi. "Tidak berani mana, sambar dengan *boyo* [buaya] (cakap nada perlahan)". Jadi kata *di* [oleh] Long Yunus dengan Long Ghaafar - puak-puak dia sampai dipintu Kota ini-- *standby* [sedia] (melakar di kertas), *standby* [sedia]. "Tapi jangan *bui* [bagi] sesiapa nampak. Atas menara, jangan bagi nampak kita". *Nusuk* [Menyorok], *alik* [sebelah] ini *nusuk* [menyorok], sembunyi. Ini pintu (lakar), Pintu tutup. *Okay* [Baiklah]. Apabila - *mari* [datang] sampai depan ini, ada *satu* [1] kilometer lagi (melakar gerakan askar dikertas). Berhenti kumpulan meriam, kumpulan yang bawa meriam ini berhenti. Dulu orang bawa meriam dengan kereta lembu. Kalau -- boleh naik kapal, meriam pula besar-besar tiang *nu*

[sana] (tunjuk tiang rumahnya). Tunggu, *standby* [sedia]. Yang --ini letak atas--. Lepas itu Panglima Kakak dia panggil, akan berlari, "Cengcengceng. Cengcengceng (sambil lakar)". *Royak* [Bagitahu], "Ok beres, tunggu dah". Bila tunggu, ini (melakar dikertas) komander ini, kira askar yang hebat bila dengan ini. (Melakar) Pertikaman yang rela bertempur, mati berdarah ini (bunyi burung). Yang ini *royak* [Bagitahu]."Tembak--sudah dah. Tunggu dah". Tumngg (bunyi ledakan meriam). Tembak. Bila,"Dumnggg" tembak ini - bunyi satu kilometer daripada sini, "Tttuuung (bunyi meriam jatuh kena sasaran)" - dia jauh, "Musuh *mari* [datang] dah. Musuh *mari* [datang] dah ni". "Kita keluar dulu". Ambil, pakat *temba* [rempuh] pintu. Apabila pakat *temba* [rempuh] pintu, gugang, gugang (buat bunyi rempuhan). Askar upahan ini, askar paksa ini apabila pintu buka, gugang-gugang *tubik* [keluar] ni, -dia tidak perasan askar ini (melakar gerakan askar di kertas) -- masuk. Askar *standby* [sedia] ini, masuk. Dia tidak perasan. "Aii cekak nak perasaan eh. Lari balik. Musuh mari--" (Tokoh berseloroh). "Dumbh, dumbh (bunyi tembakan meriam)", tembak ini. Jadi, askar-askar ini masuk sampai ke benteng dalam. Dan disitulah - pertempuran sampai pagi. Akhirnya dikatakan Long Deraman, Long Yunus, Long Ghaafar, Long Pandak bertikam. Dan Long Yunus naik atas *balai* [tempat tinggi untuk buat pengumuman]. "Heii rakyat-rakyat Legih dan rakyat Kelantan, rakyat Kota Kubang Labu. Ini *kerja* [urusan] raja-raja, bukan kerja puak-puak kamu. Kalau kamu sayang dengan nyawa, *kelik* [balik]. Aku menang-kah, Raja kamu menang-kah, kamu duduk *dibawah* [kedudukan pangkat] juga. Kamu rakyat, biar aku dengan dia. Puak-puak kamu boleh tengok temasya hari ini". Rajo *kecek* [bertitah]. –Bila, "Mengikut riwayat Hasan Saari ini, Long

Deraman angkat sahaja pedang, Long Yunus libas bahu". Long Pandak memang bukan tandingan dengan Long Ghaafar. Tidak ada siapa yang boleh menandingi Long Ghaafar, Pahlawan Adi Merdeka. -Dan dikatakan dia ini, orang nak bunuh dia ramai, berkerumun dia. Nak bunuh dia, sebab dia pendekar tangan kosong. Dia tidak akan cabut keris dia mudah-mudah. Dok main silat tangan sahaja, "*Kokeng kokeng* (buat bunyi silat)". Tetapi, dalam silat tangan inilah--musuh mati. Kerana tertikam keris sendiri. Mudah bagi dia untuk *bui* [bagi] musuh tikam [tertikam] sendiri. "Cerakkk (bunyi tikaman). Tikam sendiri (lakukan aksi). Dia paa tangan, kidas tangan ini kan? Syukk dia pusing, paa dia masuk pergi (tunjuk aksi). Aih, cari taukeh. Keristikam diri sendiri". Kepandaian Long Ghaafar, jadi orang mula-mula tengok tangan kosong, seronok la. Apabila kena dua, tiga orang, biar dok (tidak) pon. Jadi, disinilah kelebihan. Dan akhirnya, Raja Legih di-nyahkan. Long Deraman yang luka telah dibawa oleh panglima-panglimanya ke Benara, Narathiwat. Dulu dia panggil Menaro. Dan berubat disitu, tapi sebelum dia mati, dia kata dia minta *kelik* [pulang] ke Kota Kubang Labu - nak mati disitu. Tapi dikatakan dia tidak dibenarkam - masuk kedalam Kota oleh Long Yunus. Sebaliknya, duduk buat bangsal diluar Kota. Dijagai sepenuhnya oleh tentera Kelantan. Sebab takut apa? Sebab apa?(Pak Siri bertanyakan pendapat kepada pengkaji)

NSM : **Takut balas dendam balik? Bukan?**

SNB : *Dok* [Bukan].Takut rakyat Kelantan mengamuk kat dia. Hancurnya *behe* [pukul].

**NSM : Sebab dia kejam?**

SNB : *Yes* [Ya]. "(Gelak) Takut dia balas balik, dia tidak balas dah (Jawab sambil senyum)".

**NSM : Selepas itu yang kata Long Yunus kata apa ini, 'Hutang Darah Dibayar Darah' itu pasal itu lah? Peperangan itu-lah? (Minta kepastian dari Tokoh)**

SNB : - Peperangan itu lah - baru dia *bangkit* [ungkit] kata (bercakap tentang) ayah dia. Lepas pada *dia* [Long Muhammad] kata "*Bo staro* [Setakat] mu, ayah mu aku bunuh". Begitu. Orang *balah* [bergaduh] kan, orang tikam - takkan nak kata, "Ya ok, silakan", takkan begitu - itu *nari* [menari]. Tentu dengan pantun selokanya, dengan sumpah seranahnya, dengan tempik soraknya. Jadi, dikatakan mengikut cerita bahawa atau megikut Pak Siri yang beliau perolehi daripada cerita orang--ha begitu. "Sapo dia royak?"," Pak siri". Pak Siri bukan *royak* [beritahu] dia. Dia bukan hidup waktu itu. Orang *royak* [beritahu] dengan Pak Siri. Orang *royak* [beritahu]. Sebab Pak Siri pergi *sokmo* [selalu] pergi situ pergi sini, Pak Siri tidak ingat siapa dia *royak* [beritahu] sebab orang kampung-kampung kan? *Pahtu* [Selepas itu] kalau boleh pergi *ambil* [pukul gambar] la kubur Long--di Langgar Buruk. Atau pun ambil *sini* [buku rujukan], ambil gambar. Boleh.

**NSM : Selepas itu, pasal gerakan ketenteraan tadi itu dia bahagi berapa? Apa ini, ketenteraan ini macam Bahagian Darat dengan Bahagian Selatan ke?**

SNB : Dia Bahagian Laut dan Bahagian Darat sahaja. Bahagian Darat jalan kaki,

Bahagian Laut dengan perahu-perahulah dan kapal.

**NSM : Kira dia bahagi dua, kira Long Yunus seorang? Dengan begitu?**

SNB : Panglima Terengganu dua-dua. Long Yunus ikut laut sekali dengan Long Ghaafar. Tetapi Panglima Terengganu setengah itu ikut darat dan naik semula turun perahu di Besut.

**NSM : *Pahtu* [Selepas itu] benteng pertahanan Kota Kubang Labu itu kukuh ke masa itu?**

SNB : Kukuh sekali. Dia dua lapis-kan. Selapis itu - setiap lapis dia buat dengan tanah. (lakar di kertas) Tebalnya – sepuluh depa.

**NSM : Benteng Dalam, Benteng Luar?**

SNB : Benteng Dalam -- Luar. (Bunyi burung) Benteng Dalam dia buat dengan papan. Ini baru yang ini (melakar), dalam ini dia untuk raja-raja bersiram, bermandi apa ini. Untuk -- jangan tengok sahajalah. "Anda tengok Istana Balai Besar?" (tokoh bertanya).

**NSM : Yang Kota Bharu?**

SNB : *Hurm* [Ya].

**NSM : Ada masuk.**

SNB : Pintu, pagar tidak -- ? Pagar kayu kan? Itu benteng apa? (Tokoh sengaja bertanya menguji pengkaji)

**NSM** **:** **(Tergelak) Dalam?**

SNB : Itu Benteng Dalam. Benteng Luar *dok* [berada] mana? *Dok* [Berada] luar-luar nuh. Kawasan Buluh Kubu. Itu dia panggil kawasan Buluh Kubu. Dia buat ini, (lakar) ini, kan? Pahtu, sepuluh ke dua puluh depa tebal. Pastu dia tanam buluh. "Ceng.ceng.ngeceng (lukis buluh)". Sebab apa dia tanam buluh? Sebab apabila musuh mari, bila anda tebang buluh dia bunyi. Apabila anda tembak buluh dia bunyi." Pong.Pong (buat bunyi buluh ditebang)". Ha mari dah musuh. Sebab itu dia panggil Buluh Kubu. *Pastu* [Selepas itu], dia gali pulak alur, dia panggil parit (lakar atas kertas)--gali parit. Istana besar ini, Balai Besar ini sampai ke sungai benteng dia. Beteng Luar. Benteng Dalam adalah papan. Ada istana, ada rumah-rumah. Ada ini – ini (lakar). (Batuk) Apabila tidak ada lagi perang lagu itu, buluh buat *tubik* [keluar]. Kawasan buat *tubik* [keluar]. Tinggal yang begini sahaja. Yang ini la kayunya yang anda nmpak *sakni* [tadi].

**NSM** **:** **Itu sahaja?**

SNB : Itu saja. Begitu juga dengan Kota Kubang Labu. Itu ada nampak tidak peta luar [peta Benteng Luar], peta dalam [peta Benteng Dalam]?

**NSM** **:** **Ada *sakni* [tadi] (Sambil tunjuk peta di buku).**

SNB : *Ha* [Ya]. Itu (Tunjuk peta di buku).

**NSM** **:** ***Pastu* [Selepas itu] kira semua rakyat hidupkan? Rakyat Kota Kubang**

**Labu? Masa perang dengan Long Yunus, cuma antara Raja-Raja *je* [sahaja]-kan?**

SNB : Raja dengan Raja. Tapi, mula-mula sekali bila diarah oleh Raja Legih untuk lawan ini, "Nyo *gomo* [berjuang] jugak, "Lawan! Lawan! ". Eh lawan-lawan. Guu jugak. Gu gak, gogeng-gogeng (buat bunyi berlawan). Tidak kena dengan mu, kena dengan aku". Tetapi jumlah kematian kalau tengok pada peperangan itu tidaklah begitu besar.

**NSM : Kira ramai yang hidup la kan?**

SNB : *Yes* [Ya]. Ramai yang hidup. Ramai yang kata - ikut Long Yunus. Sebab kebanyaknya askar itu askar Kelantan. Askar tempatan. Tapi buat keja kepada Long Deraman. Sebab di paksakan? (Bunyi menyedut hidung yang berair)

**NSM : *Pastu* [Selepas itu]?**

SNB : Cuba tengok. Ada sini Nak (tunjuk kepada pengkaji). Ada sini. (Bunyi menyedut hidung yang berair). "Pak pergi ceramah di Yala " --tetapi dalam peperangan oleh kerana *dia* [merujuk kepada Long Muhammad atau juga dikenali sebagai Long Pandak] salah, dalam peperangan itu banyak tentera dia tidak memihak kepada dia. Jadi dia pon apabila tengok nak kalah ini, dia tidak ada fikir dah. Hari-hari duk main catur, main buah dam._dan panglima dia main. Tidak tahu nak *dok rano* [macam mana] dah. Berasa salah-kan? Sampai la musuh masuk kedalam, baru la dia bangun cabut keris. Biar mati secara anak jantan. Kalau tidak cabut keris orang tidak tikam. Orang *igat* [tangkap], masa orang *igat* [tangkap] itu-lah, orang hina apa. Jadi lebih baik

mati secara anak jantan. Gamaknya - bukak pencak silat selangkah *dua* [2]. Tapi dah *demo* [kamu] lebih handal gak, gak kita pula jenis bersalah. *Lagu* [Macam] mana sangat nak lawan. Begitu.

**NSM : *Pahtu* [Selepas itu] la dia bunuh?**

SNB : Bunuh. Dah tertulis "Asyik bermain catur dengan paglima-panglimanya kerana tidak tahu dah arah mana hendak dituju, strategi mana yang nak digunakan. Dan lagipun nalurinya merasakan dia melakukan sesuatu kesalahan yang tidak dapat diampunkan lagi."

**NSM : Pahtu [Selepas itu] tapak Kota Kubang Labu loni itu Pasir Pekan itu la?**

SNB : Masjid. Kawasan istana. Tapi seluruh Pasir Pekan *roundabout* [bulatan] apa semua itu-kan sebelah *roundabout* [bulatan] *pah* [sampai] keatas dalam itu bangunan dengan kompleks kedai itu memang istana dalam la, itulah Istana. Benteng Luar kita tidak tahu *Nak* [merujuk kepada pengkaji] sebab benteng tidak ada dah. Cuma dia kata tiga batu-kan? Panjang ini, *pah* [sampai] ke Palekbang ke mana itu tidak tahu. Sebab tidak ada bekas. Ini *jolo* [betul]-la ni. " Kalau dia buat dengan batu granait, seperti istana Kota Johor. Mesti ini ha kalau Anak pergi situ kan-- Sebab itu Pak *royak* [beritahu] di ceramah Pak dulu, Kerajaan Johor patut menghabiskan tiga ribu [3000] juta untuk menjadikan Pulau Sungai Johor Riau sebagai Akawasi Purba-nya bagi mendaulatkan sebuah Empayar Purba. Dan mengimarahkan dan memartabatkan semula bangsa yang bernama Melayu. *Takdok* [Tiada] siapa *doli* [peduli]".

NSM : ***Pastu* [Selepas itu] macam dengan tapak Kota Kubang Labu ini, kenapa tidak buat tapak warisan dengan tapak sejarah situ?**

SNB : Pada mulanya - zaman kerajaan *BN* [Barisan Nasional] telah dijadikan nak buat muzium disitu. Muzium Negeri - Kelantan. Tapi apabila *BN* [Barisan Nasional] kalah dan negeri diperintah oleh kerajaan yang ada sekarang. Mereka kata, mereka nak--tak bolehlah (bunyi deruan angin kipas meja) - buat muzium baru hanya kerana tapak sejarah. Lebih-lebih lagi sejarah pecah-nya Kelantan -antara Timur dengan Barat. Sepertimana di Timur Pangkalan Batu. Bekalan [Pengkalan Batu]. Anak kampung mana?

NSM : **Kampung Kota. Kota. Jalan Salor.**

SNB : "Oh. Kampung Kota. Itu Kampung Kota yang Raja Salor. Lepas itu .Di Salor? Pasir Mas? Pak tidak tahu. Dari Tendong? Sebab apa nama Kota?--" (Tokoh bertanya)

NSM : **"Sebelah sini. Dekat-dekat Kampung Kota betul-betul. Jalan nak pergi Pasir Mas itulah."**

SNB : --Itu sebabnya kerajaan Kelantan tidak suka, sebab itu lambang perpecahan. Lalunya mereka cadang untuk wujudkan Bandar Baru. Sekaligus dengan artifak produk baru (bunyi getaran telefon bimbit). Maka diwujudkan sebuah Bandar, namanya Tunjung. Merujuk kepada sejenis bunga - bunga terantai yang kecik. Tunjung-lah. Jadi Bandar itu letak jalan nak pergi ke Kuala Krai. Dan disitu, akan wujudnya pusat-pusat pentadbiran baru. Dan *empat belas* [14] hektar tanah telah dikenal pasti untuk pembinaan muzium. Dan mesyuarat akan datang, Jawatan Kuasa Muzium termasuk Pak tadi yang anda

dapat tengok surat tadi akan dibawa tengok tapak. Jadi bagi Pak - alasan itu ada sebab dia munasabah. Jadi - eloklah kalau dia buat masjid untuk perpaduan. Betul tidak? Daripada buat istana, buat muzium buat apa, untuk mengingati perpecahan kita.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

**BAHAGIAN 5: PENDAPAT DAN CADANGAN**

NSM : **Okay. Pastu, macamana kalau kita tengok generasi *loni* [sekarang] ini, tidak *caro* [kesah] sangat pasal sejarah-sejarah yang sebelum ini. Pastu pendapat Pak, lagu mana nak suruh generasi *loni* [sekarang] ini mengambil tahu pasal sejarah-sejarah? Pendapat Pak lah.**

SNB : (Bunyi burung sepanjang menjawap soalan) Nombor satu ya Nak [merujuk kepada penemuramah], kita kena faham dulu Nak. Ada bunga- dia panggil bunga terantai. Dia *comel* [cantik] - kembang *comel* [cantik] (menghayati dengan nada perlahan) – lawanya (menghayati). Tapi cuba anda cabut (nada suara mendatar). Tenang sahaja. Sebab akarnya tidak pijak mendalam ke bumi. Jadi belia yang ada sekarang ini, begitu-lah. Seperti pokok terantai – Comei- Anggun (dengan nada rendah). (Bunyi getaran telefon bimbit) "Kalau bertudung pon pilih *sikirin* ke *sekin* (Pak Siri cuba menyebut jenis tudung) dengan apa entah. Kain tudung. Jangan marah ye? Cakap hak betul ini". "Alaa - Permaisuri Agong yang dulu la - macam-macam". "Tapi nawaitu tudung ialah untuk menutup *aurat rambut* [Dalam Islam, aurat seorang wanita bukan sahaja rambut. Tetapi keseluruhan tubuh badan, kecuali muka dan pergelangan tangan] - mengikut syariat. Pakai topi pon tidak apa, asal tutup, jadi--Anggun". Tapi, apabila kita tidak berpijak di akar Nak, ertinya kita tidak ada roh. Tidak ada jati diri bangsa yang mendalam (berbicara dengan nada tenang dan perlahan). Dan bila kita tidak ada jati diri bangsa yang mendalam, kita senang diperkotak-katik orang. Orang kata Hang Tuah bukan orang Melayu. Sebab nama dia Hang-Tuuu-Ah. Jadi bagi Pak, bukan Hang Tuah, tetapi hantu-lah kalau cakap macam itu. Hak cakap

itu hantu. Kalau anda cakap dengan Pak, kata "Saya rasa Hang Tuah bukan orang Melayu, orang Cina". Hang Tuah, hak ini yang cakap *itu* hang tu, haa ituu lah. Jadi Hang Tuah itu sebagai ikon, sebagai profil Bangsa Melayu. Orang Melayu *taksei* [tidak mahu]. Sebab orang Melayu cakap itu--. Jadi dimana akar (nada perlahan)? Faham tidak? Jadi kalau kita tidak ada akar, akar tunjang khusus, bangsa ini akan senang diperguna orang. Akan datang - sejarah kita akan berulang menjadi jajahahan orang. Kerana - "Ho padan ar Kelantan kena. Terengganu dok lagi. Aii- *tak* [tidak] jadi *kijoangg* [kerja]. Oh kena Terengganu. Kedah kata, ho kena dia dah. Bahang. Bahang." Jadi hari ini pun sudah ada dah. Itu orang *PAS* [Parti Islam Semalaya], ini orang *UMNO* [United Malays National Organization], *suku* [asing-asing]. Perlu ke seorang seperti Dr Zakir Naik ke Zakir Turun ke saya tidak kira. Sampai dia terpaksa kata, "*PAS* [Parti Islam Semalaya] dan *UMNO* [United Malays National Organization] bersatu lah kita". Perlu ke dia cakap macamtu kepada kita? (Nada kesal) Tidak perlu. Kita la cakap. Tapi tahu-kan dia cakap begitu? Tahu tak dia cakap begitu dalam surat khabar kelmarin? Perlu ke dia cakap begitu? Umno dan PAS bersatulah. Keluar kelmarin--tidak perlu. (Nada lemah) Sebab itu perlu berada pada kita. Tapi hari ini? AMANAH NEGARA [Parti Amanah Negara]. *Kecek* [cakap] senang-senang, kepala hotak. Ikatan *gotu* [itu] ikatan *goni* [ini]. Itu ini-- Inilah benda-benda yang membawa kepada-- Ingatlah pilhanraya tahun ini-kan, kalau orang Melayu tidak menang (nada tegas), tidak akan menang sekurang-kurangnya untuk 100 tahun lagi. Kalau orang melayu tidak menang kali ini--Dah benda itu tidak lama, *dua-kosong-satu-lapan* (2018). Tapi, saya tidak kata orang Melayu tidak memerintah, orang Melayu tidak menang. Maksudnya--PKR

[Parti Keadilan Rakyat] menang – *PKR* [Parti Keadilan Rakyat] menang, AMANAH [Parti Amanah Negara] menang, *PAS* [Parti Islam Semalaya], menang sikit, *UMNO* [United Malays National Organization] menang sikit. Tapi bila sampai pada bentuk kerajaan, dia terpaksa dapat sokongan luar. Sokongan *DAP* [Democratic Action Party]. Nuh, orang-orang Sabah, Sarawak nuh (nada berbisik). "Jangan dok tidur dalam perut Sabah Sarawak tuuuuu (Nada tegas). Jangan dok tido!". *Loni* [Sekarang ini], dia tengah lapar pembangunan, kita "Hai, hai kita jalan raya akan disambung (tepuk tangan), bagus engkau Najib [Dato' Seri Najib bin Tun Abd Razak], bagus engkau! Bila dah ada semua itu kan, "Celaka!". Bukan Pak nak kata, Pak faham hati budi mereka. (Bunyi kapal terbang) Mereka tidak pernah berterima kasih. Tengok la tengok, anda pergi la kerja di Sabah, Sarawak. Bila anda bekerja " Terima Kasih" , *takdok*[tidak ada]. Tapi bila balik mari, habis. "Engkau dari *KL* [Kuala Lumpur], kenapa dari *KL* [Kuala Lumpur] awak benci. Kenapa orag Filipina tidak?" Orang Filipina dari hamba bah, dari hamba, kamu semua dari KL [Kuala Lumpur], dari Negara Tuan". Ha. Nah kau! Pak tiga tahun setengah Nak bertugas di Sabah. Bukan tiga hari. Kenapa mereka tidak suka sangat kalau sebut dari *KL* [Kuala Lumpur] " Ah. Mereka datang dari Tuan. Kitak sapak [kita siapa]? Ini kan tanah air kita bah. Orang Malaya itu" Ha. Tengok. Selagi dia boleh hidup, selagi dia boleh *ranggos* [makan] kita punya, jangan percaya. Dia boleh terbalik dengan bila-bila masa sahaja. Dia, ok "Sekarang kita sokong Lim Guan Eng bah" Degung. "Sekarang kita jangan fikir *UMNO* [United Malays National Organization], *UMNO* [United Malays National Organization] sudah hilang taringnya. Kita sokong PKR", PKR [Parti Keadilan Rakyat] boleh. "PKR [Parti Keadilan Rakyat] adalah

parti multi-rasional, PKR [Parti Keadilan Rakyat] adalah parti yang tidak mendaulat mana-mana bangsa", situ nampak dah orang Melayu kalah. Walaupun yang bercakap "Keng! Keng!", bergelar Anuar Ibrahim, bergelar Mohd Amin, bergelar Azizah, Nurul Izzah apa Zah lagi la. Faham tidak maksud Pak? Faham tidak maksud Pak? Mana? Orang Melayu memerintah, tapi kalah. Sebab apa? Sebab kita tidak pernah belajar dari sejarah. Jadi pertanyaan mengapa, jawapannya situ--kita terlalu dewakan "Berapa A dapat, berapaA+ dapat, siapa yang hantar anak pergi tusyen sejarah kalau nak bandingkan dengan tusyen matematik". Betul tidak? Sejarah akan menjadi matapelajaran wajib -lunak didengar. Dan wajib Lulus, lunak didengar - lagi lunak. Matapelajaran wajib, kena ambik semua. Matapelajaran wajib Lulus, lagi lunak didengar bagi orang seperti Pak. Tapi itu-lah sebenarnya belum tahu madu atau racun. Belum tahu lagi madu atau racun. Sebab -bila wajib Lulus, soalan jadi lebih mudah. Pendekatan akan lebih ringkas. Fokus kepada pada sejarah untuk Lulus sebab tidak boleh tidak lulus. Tapi bukan untuk menanam kesejarahan didalam lubuk dan sanubari. Itu sebenarnya-- Jadi apakah jalan caranya? Jalanya ialah - kita hendaklah melihat sejarah sebagai kelangsungan kehidupan. *One of the build of life* [salah satu bina hidup]. Dimana pun kita kuliahkan tentang sejarah. Di masjid, di surau, pusat pengajian, dan seluruh pengajian swasta, pengajian Malaysia dan sebagainya, hendaklah ditekankan. Tidak perlu ditekan dengan wajib Lulus, tidak Lulus, tidak perlu. Orang kalau kata wajib Lulus, dia akan Lulus sahaja. Tapi penerapan dari awal sehingga dia rasa "Aku kalau Tidak Lulus Sejarah, malu la - orang apa Malaysia aku ini kalau sejarah Malaysia aku Tidak Lulus". Ha - biar dia begitu. Faham tak. Bila anda--kalau begitu-kan, anda akan marah

sendiri, "Celaka, *setaro* [setakat] sejarah aku tidak lulus? ", misalnya. Ha ini, "Jangan cakap sejarah, *I* [saya] tidak ambil, *I* [saya] ambil Geografi". Ergh! (mencebek) "*Bakpo* [Kenapa] tidak ambil sejarah?", "Uh - subjek orang kampung","Subjek orang kampung?" (Ketawa sinis). "Jawapan betul ini pada Pak. Subjek orang kampung--Jadi dia orang bandar sangat? *Beranak* [Dilahirkan] di Chabang Empat Tok Mek Ngah [Kampung ini terletak di Tumpat, Kelantan, Malaysia]". Jadi itu ya Nak, ertinya gerakan Mashah. Jangan hanya menunggu di mata pelajaran. Kerana sistem peredaran itu berblok. Sistem itu tidak pernah konsisten. Hari ini ubah *lagu* [macam] ini, itu ubah *lagu* [macam] ini. Malaysia-lah paling banyak *try* [cuba] and *error* [salah] dalam pendidikan. Sampai tidak tahu nak jadi apa kita. --PTS, --PT ni --PT ini, penilaian dalam kelas, penilaian dalam darjah, penilaian semula apa tidak tahu. Betul tidak? Mari yang *nu* [lain] lagu ini, pergi pula. Mari yang lain, gini [macam ini] pula. Tukar *sokmo* [sentiasa] (nada kecewa dan mengeluh). Lepas ini apa dia, kita bukan hendak suruh sekolah atap *sokmo* [sentiasa]. Tapi jangan terlalu menukar sampai bengong kelu *mak pak* [ibubapa] ini. Kejap Bahasa Inggeris, Sains dengan Matematik. Kejap Bahasa Inggeris *bakpo* [kenapa]? Bahasa Melayu tidak reti ke? Berapa tahun, tukar - tukar - tukar. PTS *gotu goni* [itu, ini] bergelewak, satu keputusan yang tidak pernah tukar nama, jarang-jarang tukar nama, tapi tukar isi dalam. Tidak semestinya Kementerian Kebudayaan, Kemeterian lain tukar sekali nama. Tapi di dalam -sama. Kejap Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, kejap Kebudayan dan Perpaduan, kejap Kementerian, Kebudayaan dan Warisan (mengeluh). Entah apa-apa. Tapi benda itu--jadi disini yang orang Melayu harus sedar hakikat, Negara ini adalah negara politi

Melayu. Bukan politik. Politi, maknanya iklim Melayu. Melayu yang berkuasa. Bukan majoriti Nak. *Majoriti itu sebab. Sebab kenapa dia* berkuasa, sebab dia majoriti. Tapi tidak semestinya majoriti berkuasa Nak. Jangan Begitu. Okay. Pengundi Melayu 65 peratus, pengudi lain lebih 65 peratus ini kalau mengikut parti ada dua sahaja. Parti Melayu dengan parti bukan Melayu. Dengan sendirinya parti Melayu itu menang. Melayu akan memerintah sampai khiamat. Masalah sekarang ini, Melayu bukan begitu. Melayu parti apa? Cuba tengok bangsa apa paling banyak berpecah di Malaysia? Melayu. Ada Melayu dalam DAP [Democratic Action Party], ada Melayu dalam PAS[Parti Islam Semalaysia], ada melayu dalam UMNO[United Malays National Organization], ada melayu dalam PKR[Parti Keadilan Rakyat], ada Melayu dalam Cinta Malaysia, ada Melayu dalam AMANAH, memang Melayu la AMANAH ini, ada dengan Melayu dalam IKATAN. Ada melayu dalam-- ada melayu dalam--. Yang tidak adanya Melayu-nya dalam MIC [Malaysian Indian Congress], MCA [Malaysian Chinese Association]. Sekarang ini bukan kata tanding Melayu sama Melayu, tidak - antara parti. Kalau-lah Melayu itu menang 60 peratus tadi, tapi kerana parti tadi tidak bergabung, bersegmen-segmen, macamana dia nak berkuasa, walaupun dia majoriti. Anak kena faham itu. Ya. Walaupun dalam parlimen tengok Melayu semua, tapi tidak boleh-- Ini yang harus dilihat oleh orang Melayu secara lebih terperinci. Pak tidak Anti-Melayu, tidak Pro-Melayu,tidak Anti-Cina, Pro-Cina, tidak. Pak hanya Ahli Sejarah yang bercakap mengikut kebenaran. Itu sahaja. Sebab kalau Melayu sebagai tunggak kuasa disini, kalau dia pecah kali ini, dia memerlukan seratus tahun. Itu sahaja. *You* [awak] nak ke tidak, tanya sendiri. Dan ramai Melayu yang

tidak mengundi. Sebab tidak pergi daftar (nada marah dan geram). *Bakpo ya* [Kenapa] tidak pergi? Nak tanya, *bakpo* [kenapa] tidak pergi?. "*Wak pergi wak apa dia* [Pergi buat apa], tidak daftar pon boleh PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional]". Oww- Sedap *kecek* [cakap] (geram). Dia PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] adalah dasar yang boleh diberhentikan. Dengan alasan tidak bayar. Ha *Guano* [Macam mana]? Malu dengan Guan Eng [Lim Guan Eng] "Setahu saya Al-Quran yang tidak boleh diubah, dasar boleh diubah" Ha *Guano* [Macam mana](bertanya dengan nada tegas dan geram)? Apa mahu cakap doe-? Ini yang mereka tidak tahu. Tahu nak *baloh* [gaduh]. Kalau pergi ceramah boleh kutuk orang. "Waa. Waa (ajukan untuk bunyi berceramah)", Mat Sabu. Pentas politik kita macam pentas bola sepak. Untuk kita bersuka ria. Pahtu apa nak jadi pada bangsa? Ikut dia-lah (nada mengeluh dan kesal). Kita serah pada Tuhan. Pak sakit dada kalau memikirkan hal-hal apa yang jadi pada Negara kita (nada sedih, kecewa, dan lemah). Pada Pak (nada sayu), kuasa lunak memerintah Negara dengan penuh toleransi hanya ada pada Melayu di Malaysia ini. Kalau Cina memerintah, dia tidak ada toleransi, dia birokrasi. Metrokrasi. "Lu ada wang lu angkat la, lu tiada wang lu jangan cakap la. Bosan la." Ha *guano* [macamana]?

NSM : **Kiranya bagi Pak kelebihan generasi yang ada tahu pasal sejarah ini kukuhkan lagi pegangan?**

SNB : Ya sebenarnya gerakan Mashah yang Pak sebut tadi, gerakan Mashah itu jangan berkala. Contohnya berkala gerakan Mashah Hari Merdeka. Mengapakah bulan Merdeka itu hanya sebulan, lepas itu pula? Hanya untuk

program riang ria. *Blarok* [konvoi], tengok kereta kebal. B*akpo* [Kenapa] ya harus ada kereta kebal *sokmo* [selalu] *ini? Dari kita budak lagi*, Hari Merdeka *blarok* [konvoi] kereta kebal. Kereta itu, ini. (Bunyi burung) *Bakpo* [kenapa]? *Wat* [Buat] *prabih* [habis] *pitih* [duit] -Boleh nak buat, tapi bagaimana la kalau duit itu *dok* [kan]? Buat proram-program yang lebih berfaedah. Cerita Merdeka, berapa. *Bui* [bagi] gak *besar* [maksud besar disini ialah dana kewangan] sikit. "Pelajar universiti dengan kemerdekaan Program mengimarahkan bangsa, lagumana" Ha. Tidak *payah* [perlu] kira la, *taksah* [tidak perlu] *belarok* [konvoi]. Buang masa sahaja. Lepas itu boleh kita buat di TV [televisyen] kita siaran langsung Malam Semarak Bangsa Terengganu apa, disini apa. Tidak *payah cara* [perlu kesah] la hal-hal ditengah-tengah itu buang duit. Duit boleh buat guna untuk benda lain. Pastu keluar buku. Nyatakan Pertandingan Pidato Perdana, Syarahan Perdana Merdeka. Jangan isi dengan sorak-sorai. Kita suka dengan program sorak-sorai. Daripada dulu lagi. Sebut Sambutan Merdeka, tahu dah - Tutup mata nampak dah. Agong pergi, angkat bendera.Sepatutnya di TV [televisyen] itu kita tunjuk, ini di Kuala Terengganu angkat *gini* [macam ini], yang ini pergi ni--siaran langsung yang itu tidak *payah* [perlu]. Baru-lah menyeluruh. Okay Universiti UITM [Universiti Teknologi MARA], Machang [Machang, Kelantan, Malaysia] buat apa Merdeka ini, misalnya. Berapa perlu. Buat pergi ini, pergi ini--buat mesyuarat kabinet. UITM [Universiti Teknologi MARA] sini RM 3 juta. Dia sebar bagi. Okay buat. Ini kita habis? Berapa habis? Tapi apa benda kesannya? Ramai sangat ke tengok siaran langsung di TV [televisyen]? Buka -tapi tidak tengok. Nyanyi Lagu Negaraku dalam TV [televisyen] pon dia tidak bangun. Sebab dia kata nyanyi situ, bukan sini. Dia

heran bila tengok Pak bangun. "Eh *bakpo* [kenapa] orang tua ini bangun?" Dia hairan."Saya kena bangun sebab itu Lagu Negaraku negara saya". "Dalam TV [televisyen] pon kena bangun ke Pak?" "*Hom* [Ya] biar la dah bunyi, macam itu la. Kalau tidak bunyi apa boleh buat." Oww orang tua *bewok* [biawak] ini semangat lain." "Tidak *bui* [bagi] ikut dia tidak kata apa pon. Saya bangun. Itu urusan saya dengan Negara saya -saya nak bangun *taksei* [tidak mahu] bangun. Awak *taksei* [tidak mahu] bangun dengan tidak bangun awak punya pasal. (Bunyi burung sepanjang perbualan)Jadi itu dia begitulah gerakan Mashah. Gerakan besar-besaran dan melalui setiap jentera melalui Negara kita, melanjut, memantau, mengimarah Program Kemerdekaan. Dan jangan menjadikan acara Kemerdekaan acara sorak sorai semata-mata. Dan guna peruntukan secara menyeluruh sehingga ke akar umbi. Sebab Merdeka satu Anugerah Nak (batuk). Anugerah --anugerah iaitu kita keluar dari takluk-kan orang. Apabila kita tidak boleh menentukan jalan hidup turun jatuh tanah air sendiri – (bunyi suara cucunya) dijajah la itu maksudnya. Jadi, senang ke " ---sebenarnya Malaya tidak pernah dijajah". *Tahik* [Perkataan 'tahik' disini bukan bermaksud 'najis', tetapi perkataan ini kadang-kadang digunakan untuk melepaskan perasaan marah atau geram yang melampau oleh orang-orang Pantai Timur, Malaysia]. Dia Ahli Sejarah, tapi tidak pernah dia kata. Sebab apa "Di Naungan, Naungan" tapi bila Raja hendak buat keputusan tidak boleh. Naungan apa? Mudah *jah* [sahaja] dia.

NSM **Jadi nasihat akhir Pak untuk orang-orang muda *loni* [sekarang ini], *pah* [dan] genarasi-generasi akan datang yang *takdok* [tiada] lagi *loni* [sekarang] untuk tidak melupakan sejarah.**

SNB Sejarah ialah kehidupan. Sejarah bukan mata pelajaran mati. Sejarah adalah nadi kita, kehidupan kita. Dari sejarah kita boleh teropong apa akan datang, dan menoleh kebelakang apa yang sudah kena pada kita dan apa yang tidak kena laluan. (Bunyi burung) Jadi sejarah seperti roda. Kalau kita tidak menggunakan dia, dia akan menghukum kita. Sebab kita tidak pernah serik. (Bunyi deruan kenderaan sayup-sayup) Oleh itu generasi baru, secanggih mana anda, sehebat mana anda, seagam mana anda, berapa gred yang anda dapat, anda masih harus berada di tapak dan denai sejarah. Sepertimana juga sehebat mana pon anda dilahirkan oleh seorang wanita yang bernama Ibu-- Anda bukan diturunkan daripada kayang-kayangan dan terpacak di pokok jambu. Tidak. Ertinya anda adalah manusia biasa! (Nada tegas). Jadi, bila sebagai manusa biasa, anda harus berada di denai sejarah. Sejarah dirinya, sejarah masyarakatnya, dan yang paling penting sejarah bangsa. Oleh itu, kaji dengan teliti, buat penyelidikan- kepada bangsa sendiri. Dan paling penting, simpulkan dulu pembawa bangsanya--bukan picis. Maksudnya bukan bangsa yang lekeh. Bangsa yang menyelami dalamnya laut- tingginya langit. Bangsa yang penuh menjelajah ke Hemisfia. Bangsa yang penuh dengan segala tata-keramat di alam Laut Maritim. Disekian Hemisfia tengah, yang dinamakan *'The Malay World'* (nada bangga). Jadi, kaji. Kerana itu lambang kebesaran. Apabila kita tidak mempunyai akar sejarah, kita akan menjadi bangsa yang mudah diperkedilkan--oleh semut sekali pon. Jadi, sebelum menjadi semut, jadilah pekerja sejarah -yang tulen. Itu pesanan Pak kepada generasi akan datang. Sama ada Pak hidup ke tidak hidup, itu cerita lain

--kedua. (Bunyi burung) Tapi petiklah kata Pak ini sampai bila-bila. Sejarah

adalah benda kehidupan. Dan benda hidup. Bukan pelajaran yang dangkal, dan *die* [mati], the *boring* [bosan]. Yang *boring* [bosan] itu orang tidak pandai - bukan sejarah yang tidak pandai. Orang tidak pandai bawak sejarah, maka *boring* [bosan]-lah. Dok asyik hafal. "Tahun *satu-empat-kosong-kosong* [1400] Melaka dibuka oleh Parameswara, *satu-empat-kosong-tiga* [1403] Yeen Ching Laksamana Yang Chin datang, *satu-empat-kosong-sembilan* [1409] Chen Ho datang". *Ho* [Ya] memang, dengan dia-dia tidur. Betul tidak? Okay puas hati ya (Tokoh bertanya dengan nada gembira)? Huhu (gelak).

**NSM : Jadi terima kasihlah sudi temuramah ni. Sebab semua ini kita akan cetak, print *apa* [semua] lah.**

SNB : Okay.Nanti hantar *ko* [kat] Pak satu. *Sorry deh* [maaf ya]. Ada orang dok telefon tadi. Suruh *gi* [pergi] la itu.

**NSM : Okay, jadi terima kasih Pak *deh* (ya)?**

**TAMAT BAHAGIAN 5**

# RUJUKAN

(Nakula), A. B. (1987). Mengenalpasti Beberapa Ibu Kota Tua Kelantan Dalam Konteks Sejarah Dengan Tumpuan Khas Kepada Kota Kubang Labu. In N. H. Rahman, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah* (p. 203). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Buah, E. S. (2016, April 21). Rentetan Peristiwa Kota Kubang Labu Ceritera Yang Kian Dilupakan. (N. M. Nik Nursyahirah Nik Zain, Interviewer)

Rahman, N. H. (1987). *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah.* Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Tahar, A. H. (1987). Penyelidikan Arkeologi Sejarah Di Kota Kubang Labu dan Palekbang Kelantan. In N. H. Rahman, *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah* (p. 87). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Nik Nursyahirah Binti Nik Zain dan Norsolehah Binti Mohammed @ Abdullah telah menemubual seorang Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup iaitu Encik Siri Neng Buah. Wawancara ini telah dijalankan pada 21 April 2016 pada jam 12.30 tengahari di kediaman beliau di Kampung Kok Seraya, Tumpat, Kelantan.

| Masa | Perkara yang dibincangkan | Nama/ Tempat yang dirujuk |
|---|---|---|
| 0:00:27 | Latar Belakang Tokoh | 1) Siri Neng Buah<br>2) Besut, Terengganu<br>3) Siam<br>4) Liga<br>5) Lung Rik<br>6) Sirik<br>7) Sekolah Kebangsaan Keluang, Besut.<br>8) Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa<br>9) Sekolah Menengah Rendah Indera Segara<br>10) Sekolah Menengah Tumpat<br>11) Institut Pendidikan<br>12) Indonesia<br>13) Universitas Airlanggar<br>14) Empayar Melaka<br>15) Empayar Johor Riau<br>16) Kampung Beris<br>17) Kerajaan Melayu Melaka Riau<br>18) Pulau Daik Lingga<br>19) Gunung Daik Bercabang Tiga |

| | | |
|---|---|---|
| | | 20) Pulau Pandan<br>21) Pulau Bentam<br>22) Sang Nila Utama<br>23) Mak Yong<br>24) Tok Selampit<br>25) Awang Batil Cerita Rakyat<br>26) Mek Mulong<br>27) Universiti Sains Malaysia<br>28) Sungai Nekong<br>29) Dato Muhyiddin<br>30) Mek Keciang A/P Epreng<br>31) Kelantan<br>32) Universiti P.Ramlee (ASWARA)<br>33) Netra<br>34) Bachelor Of Dance<br>35) Perlis<br>36) Kuala Lumpur<br>37) New York<br>38) Washington<br>39) Bangkok<br>40) Paris |
| 0:29:58 | Latar Belakang Kerjaya Tokoh | 1) Pulau Pinang<br>2) Sabah<br>3) Melaka<br>4) Terengganu<br>5) Negeri Sembilan<br>6) Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan<br>7) Kastam<br>8) Timbalan Pengarah<br>9) Pengarah Kebudayaan<br>10) Timbalan Pengarah |

| | | |
|---|---|---|
| | | Bahagian Warisan Tidak Ketara Jabatan Warisan Negara<br>11) Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup<br>12) Pakar Rujuk UNESCO<br>13) Thailand<br>14) Indonesia<br>15) Yang Mulia Datuan Seri Setia Wijaya Mala Paduka Raja Siti Wan Kembang<br>16) Menora<br>17) Tok Peran<br>18) Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negara, Negeri Kelantan |

| Masa | Perkara yang dibincangkan | Nama/ Tempat yang dirujuk |
|---|---|---|
| 1.06.01 | Asal Usul Kota Kubang Labu | 1) Kelantan<br>2) Vietnam/ Champa<br>3) Raja Mas Kelantan<br>4) Ku Sulong (Long Sulong)<br>5) Sungai Kelantan<br>6) Pangkalan Pekan<br>7) Pasir Pekan<br>8) Istana Mensta<br>9) Pasir Mas<br>10) Masjid Al-Ismaili<br>11) Wakaf Bharu<br>12) Daerah Pujuk<br>13) Patani<br>14) Bukit Tanjung, Narathiwat<br>15) Pulau Susu Dara<br>16) Bukit Jong<br>17) Terengganu |
| 1:14:42 | Rentetan Peristiwa Kota Kubang Labu | 1) Kelantan Timur<br>2) Kelantan Barat<br>3) Pangkalan Datu<br>4) Long Deraman<br>5) Long Pandak<br>6) Long Muhamad<br>7) Long Sulaiman<br>8) Raja Legih<br>9) Raja Kota Kubang Labu<br>10) Sultan Kelantan<br>11) Sultan Muhamad<br>12) Sultan Tengku Faris<br>13) Raja Moi<br>14) Long Ghaafar |

| | | |
|---|---|---|
| | | 15) Tanjung Che Mas<br>16) Long Yunus<br>17) Kubang Labu<br>18) Datuk Pujuk<br>19) Sultan Yunus<br>20) Patani<br>21) Tok Nuh<br>22) Narathiwat<br>23) Menaro<br>24) Istana Raja Legih<br>25) Legih/ Rengik<br>26) Tanjung Mas<br>27) Long Besar<br>28) Tuan Besar<br>29) Raja Pujuk<br>30) Raja Timur<br>31) Raja Barat<br>32) Puteri Long Bahar<br>33) Raja Reman Yala<br>34) Panglima-Panglima Muda Terengganu<br>35) Bugis<br>36) Daerah Besut<br>37) Bakas Racun<br>38) Panglima Muda Terengganu<br>39) Pulau Mas Sekati<br>40) Sultan Mansor<br>41) Marhum Janggut<br>42) Che Ku Tuan Nawi<br>43) Kota Besar<br>44) Kota Bharu<br>45) Istana Kota Lama<br>46) Pengkalan Gala |

| | | |
|---|---|---|
| | | 47) Panglima Kakak<br>48) Riwayat Hasan Saari<br>49) Pahlawan Adi Merdeka<br>50) Benara (Menaro)<br>51) Langgar Buruk<br>52) Istana Balai Besar<br>53) Kawasan Buluh Kubu<br>54) Palekbang<br>55) Kota Johor<br>56) Pulau Sungai Johor Riau<br>57) Timur Pengkalan Batu<br>58) Kampung Kota, Salor<br>59) Raja Salor<br>60) Pasir Mas<br>61) Tendong |
| 2:11.30 | Pendapat dan Cadangan | 1) Permaisuri Agong<br>2) Hang Tuah<br>3) Kelantan<br>4) Terengganu<br>5) Kedah<br>6) Dr Zakir Naik<br>7) Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak<br>8) Kuala Lumpur<br>9) Filipina<br>10) Sabah<br>11) Lim Guan Eng Bah<br>12) Anuar Ibrahim<br>13) Mohd Amin<br>14) Azizah<br>15) Nurul Izzah<br>16) Malaysia<br>17) Chabang Empat Tok Mek |

| | | |
|---|---|---|
| | | Ngah<br>18) MIC (Malaysian Indian Congree)<br>19) MCA (Malaysian Chinese Association)<br>20) Guan Eng<br>21) Mat Sabu<br>22) Malam Semarak Bangsa Terengganu<br>23) Laut Maritim<br>24) The Malay World<br>25) Parameswara<br>26) Yeen Ching<br>27) Laksamana Yang Chin<br>28) Chen Ho<br>29) PAS (Parti Islam Semalaya)<br>30) UMNO (United Malays National Organization)<br>31) AMANAH NEGARA (Parti Amanah Negara)<br>32) PKR (Parti Keadilan Rakyat)<br>33) DAP(Democratic Action Party)<br>34) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan<br>35) PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional)<br>36) Pertandingan Pidato Perdana<br>37) Syarahan Perdana Merdeka<br>38) UITM (Universiti Teknologi MARA) |

# DIARI KAJIAN

| Tarikh/ Hari | Masa | Perkara | Tindakan |
|---|---|---|---|
| 17 Mac 2016 (Khamis) | 8.00pagi-10.00pagi | Mendapat Tugasan<br>Diberikan tugasan oleh pensyarah dan memilih tajuk Cik Siti Wan Kembang. | ✓ Memilih tajuk Cik Siti Wan Kembang kerana sinonim dengan rakyat Kelantan. |
| 21 Mac 2016 (Isnin) | 2.00petang-4.00petang | Carian Maklumat<br>Membuat carian tentang kisah Cik Siti Wan Kembang dan maklumat tentang orang yang akan memberikan maklumat. | ✓ Membuat carian melalui laman sesawang. |
| 31 Mac 2016 (Khamis) | 12.00tengahari-6.00petang | Dapatkan Maklumat Tambahan<br>Mendapatkan maklumat tokoh yang akan memberikan maklumat mengenai Cik Siti Wan Kembang.<br><br>Berjumpa dengan tokoh di kediaman beliau.<br><br>Mendapatkan gambaran serba sedikit tentang Cik Siti Wan Kembang tetapi tertarik untuk memilih tajuk mengenai Kota Kubang Labu kerana ianya salah satu cerita rakyat yang kian dilupakan. | ✓ Mendapatkan nombor telefon tokoh Encik Siri Neng Buah serta alamat kediaman beliau dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan.<br>✓ Berjumpa dengan tokoh Siri Neng Buah dan meminta kebenaran untuk ditemubual.<br>✓ Mendapatkan biodata tokoh dan tarikh untuk temubual seterusnya. |
| 3 April 2016 (Ahad) | 10.00 pagi-3.00 petang | Carian Maklumat Tambahan<br>Mencari maklumat tambahan di Muzium Kelantan. | ✓ Melawat Muzium Kelantan di Kota Bharu. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Menghubungi Encik Siri untuk memastikan tarikh temubual tidak mengganggu jadual Encik Siri. | ✓ Menghubungi melalui aplikasi *whatsapp.* |
| 9 April 2016 (Sabtu) | 8.00pagi-10malam | Carian Maklumat Kota Kubang Labu<br>Mencari maklumat mengenai Kota Kubang Labu untuk menghasilkan soalan-soalan temubual | ✓ Melayari internet dan membuat soalan berdasarkan bahan bacaan yang ada. |
| 11 April 2016 (Ahad) | 10.00pagi-1.00 tengahari | Sediakan Soalan<br>Sediakan soalan-soalan temubual untuk ditunjukkan kepada pensyarah.<br><br>Berjumpa dengan tokoh untuk mendapatkan sedikit gambaran mengenai Kota Kubang Labu.<br><br>Melawat tapak istana Kota Kubang Labu yang kini dibina sebuah masjid di daerah Pasir Pekan yang dikenali sebagai Masjid Al-Ismaili, Bandar Baru Pasir Pekan. | ✓ Datang ke UiTM untuk berjumpa pensyarah, tetapi peensyarah masih msyuarat. Atas nasihat Encik Siri, penyelidik ke Tumpat untuk berjumpa beliau atas sebab kekanan jadual waktu Encik Siri yan akan ke Kuala Lumpur.<br>✓ Membuat pembacaan awal melalui buku Kelantan Zaman Awal Kajian Arkeologi dan Sejarah.<br>✓ Mencatat serta merekod perkara penting yang disampaikan oleh tokoh. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | ✓ Mengambil foto Masjid Al-Ismaili , Pasir Pekan. |
| 12 April 2016 (Isnin) | 10.00 pagi – 1.30 tengahari | Dapatkan Gambar<br>Mendapatkan gambar muka depan buku rujukan. | ✓ Pak Siri menghantar gambar buku ' Kelantan Zaman Awal' melalui aplikasi *whatsapp*. |
| 19 April 2016 (Selasa) | 8.00 pagi – 8.30 pagi | Temujanji<br>Menetapkan tarikh temubual. | ✓ Pengkaji bertanya waktu kelapangan Tokoh untuk di temuramah.<br>✓ Tokoh meminta pengkaji menetapkan masa untuk di temuramah pada hari Khamis, 21 April 2016. |
| 20 April 2016 (Rabu) | 9.30 pagi – 10.30 pagi | Sediakan Skop Soalan<br>Menghantar skop soalan kajian untuk memudahkan Tokoh menyediakan bahan-bahan sokongan kepada pengkaji di hari temubual. | ✓ Memaklumkan skop soalan kajian kepada Tokoh dan memaklumkan format temubual nanti adalah secara santai. |
| 21 April 2016 (Khamis) | 8.00 pagi – 4.00 petang | Tetapkan Tempat<br>Menetapkan tempat dan bergerak ke kediaman Tokoh untuk di temuramah. | ✓ Menghubungi Tokoh untuk mendapat kata putus berkaitan tempat untuk ditemurah dari Tokoh<br>✓ Pengkaji masing-masing bertolak dari Machang, Kelantan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | dan Pengkalan Chepa, Kelantan dan berkumpul di Stesen Minyak Caltex, Pasir Pekan untuk kerumah Tokoh di Kampung Kok Seraya, Tumpat, Kelantan.<br>✓ Penyelidik bertanyakan soalan-soalan mengikut skop yang telah disediakan.<br>✓ Berterima kasih kepada Tokoh, dan pulang. |
| 14 Mei 2016 (Sabtu) | 10.00 pagi | <u>Draft Pertama</u><br>Hantar draft transkrip pertama | ✓ Cetak dan hantar kepada Puan Nor Kamariah binti Chik. |
| 23 Mei 2016 (Isnin) | 4.00 petang | <u>Draft Kedua</u><br>Menghantar draft kedua kepada pensyarah | ✓ Perbetulkan draft pertama dan hantar kepada Puan Kamariah binti Chik. |
| 7 Jun 2016 (Selasa) | 9.00pagi | <u>Laporan Akhir</u><br>Kumpulkan dokumentasi penuh semua kumpulan untuk dibuat kulit keras. | ✓ Cetak dan kumpul. |

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Pertama sekali kami nk bertanya tentang latar belakang Pak Siri dulu ye. Apakah nama sebenar Pak Siri?
2. Bagaimana Pak Siri mendapat nama panggilan Siri Neng Buah?
3. Kalau di kampung, Pak Siri dikenali dengan nama apa?
4. Kalau masa bekerja di pejabat pula?
5. Umur Pak Siri sekarang berapa?
6. Pak Siri sebenarnya berasal dari mana?
7. Dimanakan Pak Siri mendapat pendidikan awal?
8. Pada umur berapakah Pak Siri mendirikan rumah tangga?
9. Apakah nama isteri Pak Siri?
10. Adakah dia bekerja?
11. Pak Siri mempunyai berapa orang anak?
12. Berapa orang yang masih belajar atau sudah bekerja?

## BAHAGIAN 2: KERJAYA,SUMBANGAN DAN PERNGHARGAAN TOKOH

13. Sekarang, kami ingin bertanya mengenai kerjaya Pak Siri. Apakah bidang pekerjaan pertama Pak Siri sebelum ini?
14. Jadi, kerjaya Pak Siri sekarang adalah?
15. Mengapa Pak Siri memilih bidang ini sebagai kerjaya?
16. Pada waktu petang diadakan latihan menorah di rumah Pak Siri, adakah latihan menora ini diajar oleh Pak Siri sendiri?
17. Siapa penari untuk menora ini?
18. Boleh Pak ceritakan sedikit penerbitan yang telah Pak keluarkan sepanjang Pak berada dalam bidang ini.
19. Dalam masa sehari, pernah ke tidak Pak Siri beri ceramah lebih daripada sekali?
20. Dalam kalangan anak Pak, ada ke tidak yang menunjukkan minat untuk menjadi seperti Pak?
21. Pak ada jangka masa bila akan bersara atau berehat selepas ini?

## BAHAGIAN 3: ASAL USUL KOTA KUBANG LABU

22. Bagaimana wujudnya Kota Kubang Labu?
23. Apa nama asal Kota Kubang Labu?
24. Dimana letaknya Kota Kubang Labu?
25. Dimana kawasan takluk Kota Kubang Labu?
26. Dimana letaknya istana Kota Kubang Labu?
27. Siapa yang memerintah/ pengasas Kota Kubang Labu ketika itu?

## BAHAGIAN 4: RENTETAN SEJARAH KOTA KUBANG LABU

28. Apa rentetan peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu?
29. Apa antara peperangan besar yang telah berlaku di Kota Kubang Labu?
30. Apa peperangan pertama di Kota Kubang Labu?
31. Siapa yang terlibat selepas peperangan pertama di Kota Kubang Labu?
32. Apa punca terjadinya peperangan antara Long Sulaiman melawan Long Deraman?
33. Kenapa terjadinya peperangan tersebut?
34. Siapa Long Deraman dan Long Pandak/ Long Muhammad?
35. Kenapa mereka dihalau dari Kota Kubang Labu?
36. Adakah Long Sulaiman tewas didalam peperangan ini?
37. Siapa yang membunuh Long Sulaiman?
38. Apa yang terjadi selepas peperangan ini? Siapakah yang mengambil alih tampuk pemerintahan Kota Kubang Labu?
39. Bagaimana dengan keluarga Long Sulaiman? Adakah dibunuh atau dihalau dari Kota Kubang Labu?
40. Apa bekalan yang dibawa oleh mereka?
41. Dimana Long Yunus menyimpan telur ayam yang dibawanya?
42. Dimana mereka berteduh/ tidur?
43. Kemana mereka merantau?
44. Apa yang terjadi kepada telur yang dibawa oleh Long Yunus?
45. Apa nama gelaran bagi ayam tersebut?
46. Apa maksud Bakas?
47. Apa fungsi ayam kepada Long Yunus? Adakah ia penting untuk Long Yunus?

48. Apa tujuan Long Yunus ke Terengganu?
49. Dengan siapakah lagi Long Yunus bersabung ayam?
50. Adakah ayam Long Yunus menang dalam perlawanan menentang ayam pihak istana Terengganu?
51. Apa ganjaran yang diterima memenangi pertandingan itu?
52. Kenapa Long Yunus menolak tawaran untuk mendapatkan harta dan pangkat?
53. Apa yang dimasudkan dengan 'Hutang Darah, Dibayar Darah' ?
54. Apa permintaan Long Yunus atas kemenangan Bakas Beracun?
55. Sebelum Long Yunus menyerang Kota Kubang Labu, apakah peristiwa yang berlaku di Kota Kubang Labu?
56. Siapa yang terlibat dalam peperangan yang kedua?
57. Apa punca terjadinya peperangan tersebut?
58. Bagaimana terjadinya salah faham antara Long Pandak / Long Muhammad terhadap isterinya?
59. Dimana Long Pandak/ Long Muhammad berada ketika itu?
60. Bagaimana cara Long Pandak membunuh isterinya?
61. Dimana tempat Long Pandak membunuh isterinya?
62. Selepas dibunuh, dimanakah mayat isterinya dikebumikan?
63. Siapa yang menghantar mayat tersebut?
64. Adakah gajah itu membawa mayat tersebut terus ke dalam istana?
65. Bagaimana gajah itu memberi isyarat bahawasanya dia membawa sekujur mayat?
66. Siapa yang menyedari bahawasanya gajah itu membawa sesuatu khabaran buruk?
67. Apa tindakan selepas mengetahui gajah itu membawa mayat adiknya?
68. Seterusnya mayat itu dikebumikan dimana?
69. Adakah Long Deraman pergi menghadap Long Pandak/Long Muhammad untuk menuntut bela?
70. Apa yang terjadi antara Long Deraman dan Long Pandak / Long Muhammad ketika itu?
71. Adakah rakyat juga terlibat dalam pertikaman itu?
72. Kenapa rakyat tidak membantu Raja mereka ketika itu?
73. Difahamkan pemerintahan Long Muhammad agak kejam ketika itu. Apakah bentuk kekejaman yang telah dilakukan oleh Long Muhammad?
74. Ada hasil tanaman rakyat juga dirampas?
75. Apa perkaitan Long Muhammad dan Raja Legih?

76. Siapa Raja Legih ketika itu?
77. Kenapa Long Muhammad begitu berusaha untuk memujuk Raja Legih? Apakah sebab disebalik itu?
78. Siapa waris Raja Legih yang akan menuntut bela tersebut?
79. Siapa yang terlibat dalam peperangan yang terakhir ini?
80. Siapa lawan Long Yunus dan Long Ghaafar ?
81. Kenapa Long Ghaafar membantu Long Yunus untuk mnyerang Kota Kubang Labu?
82. Berapa lamakah Long Yunus mengambil masa untuk menuntut bela atas kematian bapanya?
83. Apa strategi yang telah dilakukan oleh Long Yunus untuk menuntut bela ?
84. Apa strategi ketenteraan Kota Kubang Labu ketika itu?
85. Berapa ramaikah bala tentera yang dikumpul oleh Raja Legih?
86. Adakah kesemua rakyat menyertai pasukan ketenteraan Kota Kubang Labu secara relahati?
87. Kenapa Raja Legih mengumpul bala tentera secara paksa? Siapakah yang akan diserang oleh bala tentera Raja Legih?
88. Kenapa Terengganu menjadi sassaran Raja Legih?
89. Apa gerakan-gerakan ketenteraan Kota Kubang Labu?
90. Pasukan ketenteraan terbahagi kepada berapa bahagian?
91. Siapa yang mengetuai setiap bahagian?
92. Bagaimana benteng pertahanan dibina? Apakah bahan yang digunakan untuk membina benteng tersebut?
93. Bagaimana bentuk senibina kubu pertahanan Kota Kubang Labu?
94. Berapa jumlah banteng pertahanan yang ada di Kota Kubang Labu?
95. Apa yang dimaksudkan dengan ‘Benteng Dalam’ dan ‘Benteng Luar’?
96. Berapa jarak antara Benteng dalam dan Benteng luar?
97. Bagaimana pihak lawan dapat memasuki Kota Kubang Labu?
98. Apa yang terjadi selepas pihak lawan dapat memasuki Kota Kubang Labu?
99. Adakah semua rakyat Kota Kubang Labu mati dibunuh oleh pihak lawan?
100. Kemudian, apakah kesan peperangan tersebut terhadap pemerintahan Kota Kubang Labu?
101. Dimana tapak istana Kota Kubang Labu pada masa sekarang ini?
102. Kenapa tidak jadikan tapak istana itu sebagai tapak warisan?

**BAHAGIAN 5: PENDAPAT DAN CADANGAN**

103. Kalau kita lihat, sesetengah generasi sekarang makin lupa akan sejarah dan kurang mengambil tahu tentang sejarah tempat mereka sendiri. Menurut pandangan Pak, apakah penyebab generasi sekarang memandang enteng tentang sejarah tanah air sendiri?
104. Apakah langkah-langkah atau program yang seharusnya disediakan oleh kerajaan atau organisasi yang bertanggungjawab bagi memelihara cerita rakyat dan sejarah tanah air agar tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas?
105. Apakah kelebihan sesuatu generasi itu mengetahui dan mendalami sejarah dan asal usul tanah tumpah darah mereka?
106. Bagi mengakhiri temubual kita pada hari ini, apakah nasihat Pak agar generasi sekarang dan akan datang tidak terus melupakan sejarah-sejarah seperti ini?

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
Machang, Kelantan

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yanq telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..........................................................Pada..................................

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:**
   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.

.Dipersetujui pada. ....... oleh kedua pihak yang berkenaan.

..................................................
Pengkisah (Tokoh)

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

# GAMBAR




Rajah 2 : Buku Rujukan Kelantan Zaman Awal



KEMUNDURAN (?) KELANTAN

...alam tahun 1696, beberapa bulan sebelum mangkat, Raja Mas Kelantan ... raja perempuan Patani Besar telah membahagikan negeri Kelantan secara ...-senyap kepada dua wilayah; 1. Wilayah Kelantan Barat dan 2. Wilayah ... Timur dengan Sungai Kelantan menjadi sempadan. Wilayah Kelantan Barat ... kepada Tuan Sulung, pelarian dari Champa dan diangkatnya menjadi ... tanpa diketahui oleh Raja Sakti 11 yang berada diistana Pengkalan Batu. ...Sulung berpindah ke Kelantan Barat dalam tahun itu dan tinggal disini ... diam-diam.

Bila Raja Sakti 11 terlibat dalam pertikaian politik antara ... dan Singgora diantara tahun-tahun 1699 dan 1701 dan lebih banyak ...kan waktunya di Singgora, maka Tuan Sulung pun mulai menunjukkan ... atas wilayah Kelantan Barat. Dalam tahun 1701 ia membangunkan ibu ..., Kota Kubang Labu dengan benteng besar yang mengelilinginya dalam ... empat persegi.

Penyerahan Kelantan Barat kepada Tuan Sulung itu baru diketahui oleh ...Sakti 11 setelah ia pulang ke Kelantan dari Singgora dalam tahun 1701. ... amat marah terhadap ...nda saudaranya yang telah mangkat, Raja Mas Kelantan ...ndanya itu. Tetapi baginda tetap bersabar, kerana tidak mahu berbalah ... orang sendiri.

Tujuh tahun kemudian, dalam tahun 1708, Raja Sakti 11 berangkat ke-..., kerana mencari saudara-saudaranya putera almarhum ayahandanya, Raja 'Omar (Surapati) ... puteri Sultan Mataram. Baginda tinggal disana selama kira-kira dua ... tahun 1710.

Kira-kira dalam tahun 1713, barulah Raja Sakti 11 bertindak dalam soal ... dengan pembahagian negeri Kelantan itu. Baginda meminta supaya ... menyerahkan semula Kelantan Barat kepadanya, tetapi ditolak oleh ... Oleh itu baginda menyerang Kota Kubang Labu yang berbenteng itu ... Tuan Sulung dari Kelantan Barat. Tuan Sulung mengundurkan diri ... dan melaporkan kepada adindanya, Long Baha yang sedang menjadi raja Patani ... itu, bahawa raja Sakti 11 menghalau dan menyerangnya dari Kelantan ... diketahui apa sebabnya. Pembesar-pembesar Patani melaporkan fitnah ... Raja Sakti 11. Raja Sakti 11 berangkat ke Patani mencari Tuan Sulung, ... Sakti 11 ini, Tuan Sulung ketakutan lalu berangkat

Rajah 3 : Buku Catatn Sejarah Kelantan




*Peta Negeri Kelantan.*

Rajah 4 : Peta Negeri Kelantan




Rajah 5 : Peta Kota Kubang Labu




Rajah 6 : Peta Benteng Istana




Rajah 7 : Peta Patani Champa




Rajah 8 : Peta Kota Kubang Labu

**INDEKS**


***A***

*AMANAH NEGARA (Parti Amanah Negara), 48, 49*
*Anak, 2, 3, 6, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 19, 20, 22, 24, 26,27, 29, 30, 31, 32, 44, 45, 50, 51, 52*
*Anuar Ibrahim, 50,*
*Asal usul, 1, 20*
*Ayam, 10, 15, 30, 31, 32, 34*

***B***

*Bakas Racun, 31, 32*
*Bangsa, 45, 47, 48, 50, 52, 53, 54, 56*
*Benteng Dalam, 21, 39, 41, 42,*
*Benteng Luar, 21, 41, 42, 44,*
*Bugis, 31, 32*

***C***

*Catur, 43*
*Cemburu, 25*
*Cerita Rakyat, 7, 31, 36, 37*
*Champa, 20*
*Cindai, 25,*

***D***

*DAP (Democratic Action Party) , 49, , 52*
*Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, 49*
*Denai, 56*
*Dr Zakir Naik, 48*

***G***

*Gajah,10, 25, 26*
*Generasi, 47, 53, 55,56*

***H***

*Hebat, 8, 12, 29, 38, 55*

***I***

*Ibu Kota 25, 28,*
*Inang 14, 16, 25,*
*Istana, 20, 21, 25, 27, 28, 29, 30, 3741, 42,44, 46*

***J***

*Jati Diri, 47,*

***K***

*Kain Cindai, 25*
*Kalah, 20, 31, 33, 43, 45, 50*
*Kelantan 9, 10, 13, 17, 18, 20, 22, 24, 26, 27, 29, 32, 33, 34, 37, 39, 40, 43, 45, 48, 51, 54*
*Kelantan Barat, 22, 27, 29*
*Kelantan Timur, 24, 29, 32,*
*Kota, 21, 25,*
*Kota Bharu, 12, 37, 42,*
*Kota Legih, 25*
*Kota Kubang Labu, 1, 20, 21, 22, 24, 27, 32, 36, 37, 39, 41, 42, 43, 44, 45,*
*Kuala Lumpur 11, 49,*
*Kubu, 37, 41, 42,*

***L***

*Legih, 24, 25, 28, 34, 35, 36, 39, 43,*
*Long Deraman 24, 25, 26, 27, 28, 33, 36, 39, 43,*
*Long Ghaafar 25, 26, 30,32, 33, 34, 36, 38, 39, 41*
*Long Muhammad, 24, 25, 26, 27,28, 32, 33, 36, 40, 43*
*Long Pandak 24, 25, 26, 32, 33, 36, 39, 43,*
*Long Sulaiman 24, 25, 26, 27, 29, 30*
*Long Yunus 26, 27, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 36, 38, 39, 40, 41, 43*

*M*

*Mati, 7, 17, 25, 26, 29, 32, 33, 34, 35, 38, 39, 43, 44, 51, 56*
*MCA, 52,*
*Melayu, 3, 6, 10, 14, 15, 18, 28, 31, 45, 47, 48, , 50, 51, 52, 53,*
*Menang, 4, 31, 32, 34, 39, 48, 49, 52,*
*Merdeka, 39, 53, 54, 55*
*MIC, 52*
*Muzium, 45, 46*

*N*

*Najib, 49 , 22, 28, 39*
*Narathiwat, 22, 28,39,*
*Naungan, 55*

*P*

*Pahlawan, 39*
*Paksa, 6, 1, 26, 36, 37, 38, 43, 48, 49*
*Pak Siri, 1, 2, 3, 5, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 16, 18, 19, 27, 28, 40, 47,*
*Pasir Pekan, 20, 21, 44*
*Patani 20, 22, 27, 29,*
*Pemerintah, 20, 22, 28,*
*Pendidikan, 3, 4, 6, 12, 51, 52*
*Perang, 20, 24, 25, 26, 27, 32, 33, 34, 35, 40, 42, 43*
*Pertahanan, 41*
*Peta, 43, 16,18, 28, 42*
*PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional) , 6, 52,*

*R*

*Raja, 13, 20, 24, 25, 27, 28, 29, 30, 32, 33, 36, 39, 41, 43,44, 45, 55,*
*Raja Legih, 24, 28, 36, 39, 43,*

*S*

*Sabah, 12, 18, 49,*
*Sarawak, 49,*
*Sejarah, 1, 5, 6, 7, 13, 14, 24, 45, 47, 48, 50, 52, 53, 55, 56,*
*Sekolah, 3, 4, 15, 51*
*Serang, 33, 34, 35, 36*
*Siam, 2, 3, 6, 10, 13, 14, 15, 18, 28*
*Siri Neng Buah, 1, 2, 14,*
*Sistem, 5, 6, 9, 51*
*Strategi 33, 37, 44*
*Sungai Kelantan, 20, 37*

*T*

*Terengganu, 2, 3, 4, 12, 22, 23, 31, 32, 33, 34,, 35, 36, 41, 48, 54,*
*Tentera, 29, 33, 35, 37, 40, 41, 43*
*Telur, 31*
*Thailand, 13, 28, 51*
*Tikam, 25, 32, 38, 39, 40, 44*

*U*

*UITM (Universiti Teknologi MARA)*